

Prestasi Ekonomi dan Prospek

3



Prestasi Ekonomi dan Prospek

Tinjauan

Pemulihan ekonomi yang kukuh...

Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan kukuh pada tahun ini, didorong oleh permintaan domestik yang mantap dan prestasi eksport yang memberangsangkan. Unjuran positif ini juga disumbang oleh pelaksanaan inisiatif polisi makroekonomi yang merangsang aktiviti penggunaan yang lebih tinggi dan pemulihan dalam pelaburan swasta. Pasaran buruh yang stabil, kadar inflasi yang sederhana, keyakinan peniaga dan pengguna yang mantap serta pemulihan kukuh ekonomi serantau telah menyediakan persekitaran yang kondusif kepada ekonomi Malaysia untuk berkembang pesat sebanyak 9.5% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: -5.1%). Dalam tempoh separuh kedua 2010, pertumbuhan bagi negara maju dijangka perlahan dan tidak menentu. Walau bagaimanapun, pertumbuhan negara membangun yang berkembang pesat kekal positif. Bagi Malaysia pula, asas ekonomi yang kukuh dan pemulihan pelaburan swasta dijangka menyokong permintaan domestik dalam tempoh separuh kedua 2010. Sehubungan itu, ekonomi negara dijangka berkembang 7.0% pada tahun 2010 (2009: -1.7%).

Dari sudut permintaan, pertumbuhan dijangka dipacu oleh perbelanjaan perniagaan dan pengguna yang kukuh, manakala perbelanjaan awam terus menyokong aktiviti ekonomi. Pelaburan swasta dijangka meningkat dengan ketara disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang kukuh serta aktiviti pelaburan domestik yang lebih tinggi berikutan kedudukan kewangan firma yang lebih baik dan peningkatan kadar kapasiti penggunaan di kebanyakan industri. Pelaksanaan inisiatif transformasi Kerajaan, langkah untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti serta dasar monetari yang akomodatif

akan mendorong aktiviti pelaburan swasta untuk terus kukuh pada tahun 2010. Pelaburan awam pula memberi tumpuan kepada penyediaan perkhidmatan penting dan penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan di samping terus menyokong pertumbuhan. Sementara itu, perbelanjaan pengguna dijangka meningkat ekoran sentimen dan pendapatan yang bertambah baik berikutan prospek pekerjaan yang lebih stabil. Sebaliknya, penggunaan awam dianggar berkembang perlahan sejajar dengan langkah perbelanjaan berhemat Kerajaan.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan dijangka lebih menyeluruh. Sektor perkhidmatan dianggar terus menyumbang secara ketara kepada pertumbuhan, dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, komunikasi serta kewangan dan insurans. Sektor pembuatan dijangka berkembang kukuh berikutan permintaan luar yang lebih tinggi, terutamanya bagi produk elektrik dan elektronik (E&E). Sementara itu, penggunaan domestik yang kukuh dan pelaburan swasta yang bertambah baik akan terus merangsang industri berorientasi domestik seperti kelengkapan pengangkutan serta bahan berkaitan pembinaan. Sektor pertanian akan terus berkembang disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi daripada subsektor komoditi dan bukan komoditi. Sektor pembinaan dijangka berkembang berikutan pelaksanaan berterusan projek pakej rangsangan dan permintaan yang lebih baik dalam pasaran harta tanah. Sektor perlombongan juga dijangka pulih berikutan pengeluaran gas asli yang lebih tinggi.

Kedudukan luaran Malaysia dijangka kekal kukuh pada tahun 2010 sejajar dengan perdagangan dunia yang bertambah baik, terutamanya dalam tempoh separuh pertama tahun ini. Akaun semasa dianggarkan mencatat lebihan sebanyak RM103.8 bilion atau 13.8% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK), disokong

JADUAL 3.1

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Sektor
2009 – 2011**
(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²
Pertanian	0.4	3.4	4.5	7.7	7.4	7.4	0.0	0.3	0.3
Perlombongan	-3.8	1.0	2.9	7.7	7.3	7.1	-0.3	0.1	0.2
Pembuatan	-9.4	10.8	6.7	26.6	27.6	27.9	-2.7	2.9	1.9
Pembinaan	5.8	4.9	4.4	3.3	3.3	3.2	0.2	0.2	0.1
Perkhidmatan	2.6	6.5	5.3	57.6	57.3	57.3	1.4	3.7	3.0
Tolak: FISIM yang tidak diagihkan ³	7.2	5.8	3.9	4.2	4.2	4.1	0.3	0.2	0.2
Tambah: duti import	-5.8	8.7	1.5	1.2	1.3	1.2	-0.1	0.1	0.0
KDNK	-1.7	7.0	5.0-6.0	100.0	100.0	100.0	-1.7	7.0	5.0-6.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Perkhidmatan Pengantaraan Kewangan yang Diukur Secara Tidak Langsung (FISIM).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

oleh peningkatan eksport barangan walaupun import kembali meningkat dengan kadar yang lebih tinggi. Lebihan besar dalam akaun semasa terus disokong oleh lebihan akaun perkhidmatan, berikutan pendapatan perjalanan yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, akaun kewangan dijangka bertambah baik disokong oleh aliran masuk bersih portfolio dan peningkatan aliran masuk FDI.

Seiring dengan aktiviti ekonomi yang rancak dalam tempoh separuh pertama 2010, PNK dianggar berkembang 12.8% kepada RM749.9 bilion (2009: -7.3%; RM665.0 bilion). Sehubungan itu, pendapatan per kapita dari segi pariti kuasa beli (PPP) dijangka meningkat 19.7% kepada USD14,102 pada tahun 2010 (2009: -14.3%; USD11,781).

Prestasi Mengikut Sektor

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan menerajui pertumbuhan...

Dalam tempoh separuh pertama 2010, **sektor perkhidmatan** berkembang 7.9% (Januari – Jun 2009: 0.8%), disokong aktiviti berkaitan perdagangan dan penggunaan yang kukuh. Selaras dengan unjuran prestasi yang lebih baik dalam semua sektor ekonomi, sektor perkhidmatan dianggar meningkat 6.5% dan merangkumi 57.3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2010 (2009: 2.6%; 57.6%). Kumpulan **perkhidmatan perantaraan** dijangka meningkat 6.4% (2009: 3.4%), dipacu oleh

subsektor komunikasi serta kewangan dan insurans. Sementara itu, kumpulan **perkhidmatan akhir** dijangka berkembang 6.5% (2009: 2.0%), disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta penginapan dan restoran.

Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 9.0% (Januari – Jun 2009: -0.8%) dengan indeks jualan runcit dan kenderaan bermotor melonjak 10.6% kepada 142.7 mata dan 19.4% kepada 124.7 mata (Januari – Jun 2009: -4.7%, 129.0 mata; -9.6%, 104.5 mata). Di samping itu, nilai jualan perdagangan edaran meningkat 12.4% kepada RM185.3 bilion (Januari – Jun 2009: -4.7%; RM164.8 bilion), disebabkan oleh peningkatan aktiviti perdagangan borong sebanyak 12.0% dan runcit 12.1% (Januari – Jun 2009: -10.4%; 5.2%). Pertumbuhan sektor runcit yang lebih tinggi disumbang oleh pengembangan agresif pasar raya besar dan *superstore*. Sehingga

akhir September 2010, sejumlah 125 pasar raya besar dan *superstore* milik asing beroperasi di seluruh negara (akhir September 2009: 81). Prospek subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka kekal menggalakkan, berkembang 7.4% pada tahun 2010 (2009: 1.2%), disokong oleh peningkatan perbelanjaan penggunaan domestik, terutamanya ketika musim cuti dan perayaan.

Subsektor penginapan dan restoran berkembang 5.7% (Januari – Jun 2009: 2.5%), didorong oleh aktiviti berkaitan pelancongan yang lebih rancak. Penginapan hotel mencatat kadar purata sebanyak 58.0% dengan kadar yang tertinggi di Pahang (76.8%). Pada tahun 2010, subsektor ini dijangka berkembang 4.7% (2009: 2.8%), didorong oleh ketibaan pelancong yang lebih tinggi dan pembukaan hotel baru, terutamanya di Lembah Klang. Peningkatan kepopularan hotel apartmen sebagai alternatif kepada hotel, terutamanya untuk menampung permintaan

JADUAL 3.2

**Prestasi Sektor Perkhidmatan
2009 – 2011**
(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Sumbangan kepada KDNK (%)		
	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²
Perkhidmatan perantara						
Pengangkutan dan penyimpanan	-2.8	7.0	6.2	3.8	3.8	3.8
Komunikasi	6.0	7.3	8.9	4.1	4.2	4.3
Kewangan dan insurans	5.1	6.3	5.6	11.7	11.7	11.7
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	2.4	5.6	4.9	5.4	5.4	5.3
Perkhidmatan akhir						
Utiliti (elektrik, air dan gas)	0.4	8.5	5.6	3.0	3.0	3.0
Perdagangan borong dan runcit	1.2	7.4	5.6	13.3	13.4	13.4
Penginapan dan restoran	2.8	4.7	5.2	2.5	2.4	2.4
Perkhidmatan lain	4.4	4.2	5.4	6.1	5.9	5.9
Perkhidmatan kerajaan	2.0	6.7	1.9	7.6	7.6	7.3
Jumlah	2.6	6.5	5.3	57.6	57.3	57.3

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Teknologi Hijau

Pengenalan

Teknologi Hijau (TH) ialah pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem yang digunakan untuk memulihara alam sekitar dan sumber alam semulajadi bagi meminimum dan mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Berdasarkan Indikator Bank Dunia, pelepasan karbon di Malaysia pada tahun 2005 adalah sebanyak 7.1 tan metrik per kapita, melebihi purata pelepasan dunia sebanyak 4.5 tan metrik per kapita. Bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar, Malaysia secara sukarela telah memberi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sehingga 40% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) menjelang 2020 berbanding paras pada tahun 2005.

Kenapa Hijau

Terdapat pelbagai sebab mengapa TH perlu diterima pakai, ini termasuk:

- Mengurangkan kesan perubahan iklim melalui pengurangan pemanasan global. Sekiranya tiada peralihan ke arah ekonomi rendah karbon, pelepasan gas rumah hijau (GHG) dunia akan meningkat sebanyak 70% menjelang 2050 dan suhu akan meningkat sebanyak 4°C hingga 6°C menjelang hujung abad¹ ini;
- Memulihara sumber semulajadi yang semakin kehabisan untuk generasi akan datang;
- Mengurangkan pencemaran udara, air dan tanah;
- Mengeksploitasi TH sebagai satu sumber pertumbuhan baru dan menjana peluang pekerjaan merentasi sektor utama; dan
- Memanfaatkan kekayaan sumber alam Malaysia untuk memaksimumkan potensi TH seperti pengeluaran tenaga boleh diperbaharu (RE).

Inisiatif Kerajaan

Memperkuh Rangka Kerja Institusi

Bagi memastikan pembangunan TH yang lebih bersepadu, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah distruktur semula dan dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada 9 April 2009. Seterusnya, KeTTHA telah menggubal Dasar Teknologi Hijau Negara. Selain itu, Majlis Teknologi Hijau Negara telah ditubuhkan bagi meningkatkan penyelarasan inisiatif TH di kalangan semua kementerian dan agensi. Langkah ini akan menjadi pemangkin utama untuk pembangunan industri TH yang dinamik dan kukuh.

Menggalakkan Pembangunan Teknologi Hijau

Menyedari potensi TH sebagai satu sektor yang penting dalam pembangunan ekonomi negara, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan penggunaan TH dalam Bajet 2010. Ini termasuk:

- Menstruktur semula Pusat Tenaga Malaysia sebagai *Malaysia Green Technology Corporation* (GreenTech Malaysia) dipertanggungjawabkan untuk menggubal pelan tindakan pembangunan TH bagi menetapkan standard dan menggalakkan TH, melipatgandakan aktiviti kesedaran hijau dan mempromosi amalan gaya hidup mesra alam;
- Menganjurkan *International GreenTech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia* (IGEM) dari 14 – 17 Oktober 2010 untuk menarik pakar dan syarikat terkemuka antarabangsa dalam bidang TH bagi mempamerkan produk di Malaysia;

¹ *Interim Report of the Green Growth Strategy: Implementing Our Commitment For a Sustainable Future, Meeting of the OECD Council at Ministerial Level, 27 – 28 May 2010.*

CARTA 1

Dasar Teknologi Hijau Negara**DASAR TEKNOLOGI HIJAU NEGARA****Objektif**

- Untuk mengurangkan kadar peningkatan penggunaan tenaga dalam masa yang sama meningkatkan pembangunan ekonomi;
- Untuk membantu pertumbuhan industri TH dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara;
- Untuk meningkatkan keupayaan negara bagi inovasi dalam pembangunan TH dan meningkatkan daya saing dalam TH di persada antarabangsa;
- Untuk memastikan pembangunan mapan dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang; dan
- Untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap TH dan menggalakkan penggunaan meluas TH.

Empat Tunggak

Tenaga	Alam Sekitar	Ekonomi	Sosial
Mencari ketidakbergantungan tenaga dan mempromosikan kecekapan tenaga.	Memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar.	Meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi.	Meningkatkan kualiti hidup.

Bidang Fokus Utama**Tenaga**

- Aplikasi TH dalam penjanaan tenaga dan pengurusan bekalan tenaga, termasuk penjanaan bersama (*co-generation*) di sektor industri dan komersial; dan
- Aplikasi TH dalam semua sektor penggunaan tenaga dan program pengurusan permintaan tenaga.

Bangunan

- Menerima pakai TH dalam pembinaan, pengurusan, pemuliharaan dan pemusnahan bangunan.

Air dan Pengurusan Sisa

- Mengaplikasi TH dalam pengurusan dan penggunaan sumber air, rawatan kumbahan, sisa pepejal dan pelupusan sampah.

Pengangkutan

- Memasukkan elemen TH dalam prasarana pengangkutan dan kenderaan, khususnya biobahan api dan pengangkutan jalan awam.

Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Malaysia.

- Membangunkan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai bandar perintis TH;
- Memberi keutamaan kepada produk dan perkhidmatan yang mesra alam dan mematuhi standard TH dalam perolehan Kerajaan;
- Memberi pengecualian cukai 100% daripada perbelanjaan modal tambahan untuk memperoleh sijil *Green Building Index* (GBI). Pembeli bangunan yang diberi sijil GBI layak mendapat pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik; dan
- Mewujudkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) berjumlah RM1.5 bilion sebagai pinjaman mudah kepada pengeluar dan pengguna TH.

JADUAL 1

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau

	Pengeluar	Pengguna
Saiz	Maksimum RM50 juta setiap syarikat	Maksimum RM10 juta setiap syarikat
Tempoh Pinjaman	15 tahun	10 tahun
Kriteria Kelayakan	Syarikat tempatan (≥51% pemegang saham tempatan)	Syarikat tempatan (≥70% pemegang saham tempatan)
Institusi Kewangan	Bank Komersial, Institusi Perbankan Islam dan Institusi Kewangan Pembangunan	
Insentif Kerajaan	Subsidi kadar faedah sebanyak 2% dan jaminan Kerajaan sebanyak 60% daripada jumlah pinjaman	

Rancangan Malaysia Kesepuluh

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) memperkenalkan inisiatif untuk melindungi alam sekitar. Ini termasuk memperkenalkan rangka kerja AFFIRM iaitu Kesedaran, Fakulti, Kewangan, Infrastruktur, Penyelidikan dan Pemasaran bagi membangun satu ekosistem yang komprehensif untuk kemapanan alam sekitar; memperkenalkan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) sebanyak 1% yang akan dirangkumkan ke dalam tarif elektrik pengguna dan penubuhan Dana Tenaga Boleh Diperbaharu daripada hasil kutipan FiT yang dikendalikan oleh KeTTHA untuk menyokong pembangunan RE.

Meningkatkan Kerjasama antara Kementerian

Bagi menggalakkan dan memupuk kesedaran dari usia muda, KeTTHA sedang bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengintegrasikan topik TH dalam kurikulum. Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pelancongan juga akan menerapkan kursus TH dalam program latihan kemahiran mereka. Ini akan meningkatkan lagi kemahiran dan keupayaan dalam bidang TH. Pelbagai inisiatif juga sedang dilaksanakan bersama Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk membangunkan pelan hala tuju infrastruktur bagi penggunaan kenderaan elektrik bermula dengan satu projek perintis di Putrajaya.

Kesimpulan

Sektor awam akan terus menerajui langkah untuk menggalakkan penggunaan TH bagi mengurangkan pelepasan karbon dan melindungi alam sekitar. Oleh itu, adalah penting untuk semua golongan masyarakat memainkan peranan masing-masing dalam memastikan kejayaan pembangunan TH. Selaras dengan Model Baru Ekonomi (NEM), amalan gaya hidup berasaskan TH sangat penting, bukan sahaja dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup tetapi juga dalam memelihara alam sekitar untuk generasi akan datang.

pelancong yang berbelanja besar dan tinggal lama juga dijangka mengukuhkan pertumbuhan subsektor ini. Jumlah pendapatan daripada pelancong dianggarkan mencecah RM59.2 bilion pada tahun 2010 (2009: RM53.4 bilion), dengan perbelanjaan penginapan kekal sebagai komponen terbesar, iaitu sebanyak 31.2%, diikuti oleh aktiviti membeli-belah (29.0%) serta perbelanjaan makanan dan minuman (17.2%). Bagi tahun 2010, ketibaan pelancong dijangka mencecah 24.0 juta (2009: 23.6 juta).

Program *homestay* dan eko-pelancongan telah muncul sebagai bidang pertumbuhan *niche* yang baru, di samping menggalakkan pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan pelancongan yang mampan. Menyedari potensi besar dari segi penajaan pekerjaan dan pendapatan, usaha sedang dilaksanakan untuk meningkatkan lagi penglibatan penduduk luar bandar dalam program pelancongan berasaskan komuniti. Pada akhir Jun 2010, sejumlah 2,998 pengendali *homestay* telah dilatih dan diberi lesen di seluruh negara. Dalam tempoh enam bulan pertama 2010, program ini telah menarik 88,666 pelancong, merangkumi 65,361 pelancong tempatan dan 23,305 pelancong asing (Januari – Jun 2009: 77,603; 59,713; 17,890). Sebagai salah satu usaha inovatif untuk memasarkan program *homestay*, Kerajaan telah melancarkan Kempen e-Pemasaran *Homestay* pada bulan April serta promosi *homestay* menerusi aplikasi telefon pintar pada September 2010. Melalui inisiatif ini, pengendali *homestay* berupaya menarik lebih ramai pelancong berpotensi, iaitu hampir 178,000 serta menjana pendapatan sebanyak RM12.0 juta pada tahun 2010 (2009: 161,561; RM10.9 juta). Sementara itu, usaha Kerajaan dalam mempromosi program eko-pelancongan seperti Pakej Pelancongan Komuniti Orang Asli akan terus memberi manfaat kepada komuniti Orang Asli. Bagi meningkatkan penglibatan dalam aktiviti eko-pelancongan, pelbagai kursus akan disediakan untuk melatih Orang Asli sebagai pengendali bot atau pemandu pelancong alam semula jadi.

Bagi industri Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE), usaha telah dipergiatkan untuk

memperoleh bahagian yang lebih besar daripada pasaran global. Pada tahun 2010, bilangan peserta MICE ke Malaysia dijangka kekal seramai 1.2 juta, menjana pendapatan sebanyak RM9.8 bilion. Di samping itu, Kerajaan telah mempromosikan program Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) secara aktif. Sejak pelancarannya pada tahun 2002 sehingga akhir Ogos 2010, program ini telah menarik 14,358 peserta termasuk dari China (2,396), Bangladesh (1,779) dan United Kingdom (UK) (1,586). Dalam tempoh lapan bulan pertama 2010, seramai 1,041 peserta telah menyertai program MM2H dengan bilangan peserta yang tertinggi dari Iran (155), diikuti oleh Jepun (143) dan China (98).

Subsektor komunikasi dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 7.3% pada tahun 2010 (2009: 6.0%), didorong terutamanya oleh prestasi kukuh industri telekomunikasi. Dalam tempoh separuh pertama 2010, subsektor ini meningkat 7.6% (Januari – Jun 2009: 5.3%) hasil daripada peningkatan penggunaan perkhidmatan selular, jalur lebar dan generasi ketiga (3G). Pada akhir Jun 2010, kadar langganan telefon selular meningkat 10.2% kepada 31.5 juta, mencatat kadar penembusan sebanyak 108.8% (akhir Jun 2009: 13.8%; 28.5 juta; 100.8%) dengan pengguna prabayar mendominasi hampir 80% daripada jumlah langganan. Pertumbuhan diterajui oleh peningkatan aplikasi telefon pintar serta penawaran pelan data dan pakej tarif yang bersesuaian dengan keperluan pengguna. Di samping itu, *Mobile Virtual Network Operators* (MVNO) telah meningkatkan persaingan dalam industri ini dengan kejayaan memperluaskan liputan pelanggan sedia ada menerusi penggunaan *bandwidth* yang tidak diguna pakai. Dalam suasana persaingan yang sengit serta pelbagai usaha penambahbaikan oleh peserta industri, kadar langganan telefon selular dianggarkan meningkat 9.0% kepada 32.8 juta, mencapai kadar penembusan sebanyak 112.5% menjelang akhir tahun 2010 (2009: 8.8%; 30.1 juta; 105.4%).

Peningkatan penggunaan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) telah menyumbang secara positif kepada pertumbuhan segmen selular. Jumlah

penghantaran SMS berkembang 11.8% kepada 47.4 bilion dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: 23.3%; 42.4 bilion), hasil daripada permintaan bagi perkhidmatan data yang semakin meningkat, terutamanya semasa musim Piala Dunia FIFA 2010. Penawaran SMS dalam pakej selular serta peningkatan penggunaan perkhidmatan mudah alih seperti perbankan mudah alih dijangka meningkatkan lagi jumlah penghantaran SMS. Tambahan pula, langganan 3G yang lebih tinggi dijangka merancakkan lagi pertumbuhan segmen selular. Pada akhir Jun 2010, bilangan langganan 3G meningkat 30.1% kepada 7.9 juta (akhir Jun 2009: 141.8%; 6.0 juta), disebabkan oleh perluasan liputan rangkaian dan peningkatan permintaan bagi akses internet mudah alih. Usaha penambahbaikan rangkaian 3G kepada 3.5G di seluruh negara baru-baru ini turut merangsang permintaan, terutamanya daripada pengguna *bandwidth* yang intensif.

Segmen jalur lebar terus berkembang dengan kadar langganan meningkat 49.7% mencapai 3.2 juta dan mencatat kadar penembusan isi rumah sebanyak 37.5% (akhir Jun 2009: 57.0%; 2.2 juta; 27.1%). Pertumbuhan disokong oleh perluasan rangkaian dan penambahbaikan menara pemancar yang berterusan serta penawaran pakej kompetitif oleh penyedia perkhidmatan. Pada akhir Jun 2010, jumlah *Wireless Fidelity* (Wi-Fi) *hotspot* meningkat kepada 2,677 lokasi di seluruh negara (akhir Jun 2009: 1,995) dengan pertumbuhan melebihi 100% di Perlis (250.0%), Negeri Sembilan (194.0%) dan Sabah (151.4%). Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh projek jalur lebar Wi-Fi di kawasan bandar yang dijalankan oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dengan sokongan peserta industri. Peluasan perkhidmatan *Worldwide Interoperability for Microwave Access* (WiMAX) terus menyumbang kepada peningkatan permintaan bagi akses jalur lebar tanpa wayar. Pada akhir Jun 2010, jumlah langganan WiMAX meningkat lebih dua kali ganda kepada 165,000 (akhir Jun 2009: 60,800), disebabkan terutamanya oleh harga yang berpatutan dan strategi pemasaran yang agresif.

Pertumbuhan segmen jalur lebar dijangka kekal memberangsangkan dengan usaha Kerajaan yang

berterusan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan jalur lebar melalui pelbagai inisiatif. Ini termasuk memberi pelepasan cukai untuk langganan jalur lebar, menggalakkan pemilikan komputer serta menyediakan pakej *netbook* dan jalur lebar kepada pelajar dan kumpulan berpendapatan rendah. Di samping itu, pelaksanaan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) yang dilancarkan pada Mac 2010, dijangka meningkatkan lagi penembusan jalur lebar. Pada akhir Ogos 2010, liputan perkhidmatan HSBB melebihi 500,000 buah premis di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor dengan 10,625 pelanggan. Sejumlah 750,000 buah premis di seluruh negara dijangka dapat mengakses HSBB menjelang akhir tahun 2010.

NBI bertujuan untuk meningkatkan permintaan jalur lebar, terutamanya di kalangan pelajar dan kumpulan berpendapatan rendah, sejajar dengan hasrat Kerajaan menuju ke arah masyarakat berinformasi secara menyeluruh. Antara insentif yang disediakan di bawah NBI termasuk pengagihan sejuta pakej *netbook* dengan akses jalur lebar kepada 650,000 pelajar dari keluarga berpendapatan rendah serta 350,000 pakej kepada golongan berpendapatan rendah di kawasan luar bandar. Di samping itu, akses jalur lebar tanpa wayar akan disediakan kepada 615,000 isi rumah di sekitar 246 Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) sedia ada, di bawah projek PJK-ke-Rumah. Selain itu, 873 menara komunikasi akan dibina menjelang akhir tahun 2011 untuk meningkatkan liputan selular dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan internet tanpa wayar.

Jumlah kendalian mel oleh Pos Malaysia Berhad (PMB) merosot 5.3% kepada 621.9 juta item dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: -3.4%; 650.1 juta) disebabkan penurunan kekerapan penghantaran surat serta peralihan kepada e-mel, *e-billing* dan SMS oleh pelanggan. Ini selaras dengan kelembapan perkhidmatan pos di seluruh dunia berikutan peningkatan kepopularan e-mel dan SMS sebagai mod komunikasi yang selesa dan kos efektif. Jumlah kurier meningkat pada kadar yang perlahan

sebanyak 3.8% (Januari – Jun 2009: 23.7%), berikutan terutamanya persaingan agresif oleh peserta industri. Untuk meningkatkan lagi operasi dan penyampaian perkhidmatan, PMB telah memperkenalkan *PosLaju International Premium Service* untuk mempercepatkan penghantaran dokumen dan bungkusan serta perkhidmatan pengesanan kiriman melalui SMS. Selain itu, pengenalan terminal layan diri di pejabat pos terpilih dijangka dapat mengurangkan masa dan kos pemrosesan.

Bagi industri penyiaran, perkhidmatan televisyen satelit berbayar, *Astro All Asia Networks* (ASTRO), mempunyai 3.0 juta pelanggan dengan kadar penembusan isi rumah sebanyak 49.2% pada akhir Jun 2010 (akhir Jun 2009: 2.8 juta; 44.9%). Ini sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan permintaan bagi pelbagai kandungan, kempen pemasaran strategik serta peningkatan langganan pakej sukan berikutan penyiaran Piala Thomas, Piala Uber dan Piala Dunia FIFA 2010. Prestasi industri ini dijangka kekal memberangsangkan pada tahun 2010 dengan penawaran perkhidmatan *High-Definition Television* (HDTV) dan *Internet Protocol Television* (IPTV) serta berlangsungnya Sukan Komanwel pada bulan Oktober dan Sukan Asia pada November 2010.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan kembali cergas mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.7% (Januari – Jun 2009: -5.2%) berikutan keadaan ekonomi yang bertambah baik yang seterusnya meningkatkan lagi aktiviti berkaitan perjalanan dan perdagangan. Prestasi cergas ini juga disokong oleh kenaikan kadar pengangkutan barangan dan peningkatan kapasiti disebabkan permintaan pengangkutan air, udara dan darat yang semakin tinggi. Selaras dengan prestasi perdagangan domestik dan global yang bertambah baik, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 7.0% pada tahun 2010 (2009: -2.8%).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, kendalian kontena di pelabuhan utama, iaitu Pelabuhan Klang, Tanjung Pelepas (PTP), Pulau Pinang, Kuantan, Johor, Bintulu dan Kuching melonjak 19.6% kepada 10.3 juta *twenty-foot*


equivalent units (TEU) (Januari – Julai 2009: -7.6%; 8.6 juta TEU). Pertumbuhan ini didorong oleh perdagangan antarabangsa yang kukuh, terutamanya di rantau Asia serta penambahbaikan berterusan dalam kecekapan dan produktiviti pelabuhan. Pada tahun 2010, jumlah kendalian kontena dianggarkan berkembang 11.7% kepada 17.5 juta TEU (2009: -2.2%; 15.7 juta TEU) berikutan peningkatan aktiviti perdagangan global dan ekonomi domestik.

Sebagai dua pelabuhan kontena utama negara, Pelabuhan Klang dan PTP kekal tersenarai antara 20 pelabuhan kontena utama dunia. Menurut *Containerisation International* (CI), Pelabuhan Klang dan PTP telah meningkat ke kedudukan ke-14 dan ke-17 (2008: ke-15; ke-18) dari segi jumlah kendalian TEU pada tahun 2009. Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2010, Pelabuhan Klang telah mengendalikan 5.1 juta TEU, merangkumi 49.7% daripada jumlah kendalian kontena (Januari – Julai 2009: 4.0 juta TEU; 46.3%), manakala PTP mengendalikan 3.7 juta TEU dan menyumbang 36.1% kepada jumlah kendalian kontena (Januari – Julai 2009: 3.3 juta TEU; 38.7%).

Bilangan kapal berlabuh di pelabuhan utama juga meningkat 5.8% kepada 27,573 (Januari – Julai 2009: -2.7%; 26,050 kapal), dengan Pelabuhan Klang merangkumi 37.1% daripada jumlah kapal berlabuh (Januari – Julai 2009: 34.8%). Prestasi yang menggalakkan ini adalah berikutan pelbagai inisiatif yang diambil untuk menarik lebih banyak syarikat perkapalan utama berlabuh di pelabuhan domestik. Ini termasuk mempertingkatkan rangkaian melalui usaha sama strategik dengan syarikat perkapalan serta menyediakan peralatan pelabuhan moden dan perkhidmatan yang cekap bagi memastikan masa pengendalian kapal yang lebih pantas. Tambahan pula, prestasi perdagangan antarabangsa yang bertambah baik telah mendorong syarikat perkapalan utama seperti *Maersk Line* menggunakan semula kapal mereka untuk menampung jumlah kontena yang semakin meningkat. Bagi mempertingkatkan lagi kapasiti dan daya saing pelabuhan domestik, Kerajaan komited untuk menambah baik infrastruktur pelabuhan, termasuk mendalamkan aluran

CARTA 3.1

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan



¹ Anggaran.

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Jabatan Perangkaan, Tujuh pelabuhan utama, Malaysia Airports Holdings Berhad, Lapangan Terbang Senai dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

pelabuhan untuk menampung kapal bersaiz besar di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Pertumbuhan segmen pengangkutan udara meningkat dengan ketara dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 berikutan permintaan kukuh bagi perkhidmatan penumpang dan kargo, terutamanya dari Asia dan Timur Tengah. Jumlah penumpang lima syarikat penerbangan domestik, iaitu Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), *AirAsia*, *Firefly*, *MASWings* dan *AirAsia X* berkembang 13.6% kepada 18.9 juta (Januari – Julai 2009: 8.3%; 16.7 juta), didorong oleh permintaan tinggi, terutamanya daripada penumpang tambang murah. Pertumbuhan ini juga disokong oleh peningkatan rangkaian hubungan, kapasiti dan kecekapan serta penawaran pakej perjalanan yang menarik dengan tambang kompetitif.

Trafik penumpang di semua lapangan terbang dalam negara mencatat pertumbuhan ketara sebanyak 16.0% kepada 33.5 juta (Januari – Julai 2009: 2.7%; 28.9 juta) disebabkan oleh peningkatan kapasiti dan ketibaan pelancong. Di samping itu, trafik penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) meningkat 18.9% kepada 19.3 juta, merangkumi 57.5% (Januari – Julai 2009: 2.0%; 16.2 juta; 56.1%) daripada jumlah keseluruhan penumpang. Prestasi yang memberangsangkan ini disokong oleh penawaran insentif berasaskan tunai oleh *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB) melalui *Airline Recovery Programme* kepada syarikat penerbangan sedia ada dan baru bagi tempoh tiga tahun sejak 1 Januari 2009 serta pemberian rebat 50% ke atas caj pendaratan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2). Hasilnya, tiga syarikat penerbangan Timur Tengah yang baru iaitu *Mahan Air*, *Oman Air* dan *Royal Jordanian Airline* telah mula beroperasi di KLIA, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 60 syarikat penerbangan sehingga akhir Julai 2010.

Jumlah kendalian kargo udara oleh *MASKargo* dan *AirAsia* meningkat pesat sebanyak 28.9% kepada 306.0 juta tan metrik (Januari – Julai

2009: -26.2%; 237.3 juta tan metrik). Jumlah kendalian kargo udara di lapangan terbang seluruh negara juga berkembang kukuh sebanyak 21.3% kepada 532.2 juta tan metrik (Januari – Julai 2009: -22.9%; 438.7 juta tan metrik). Prestasi yang menggalakkan ini disebabkan oleh pertambahan permintaan bagi produk pembuatan, terutamanya E&E serta aktiviti penstokan semula oleh perniagaan.

Industri pengangkutan udara dijangka kekal kompetitif berikutan peningkatan permintaan untuk tambang murah dan liberalisasi secara berperingkat. Industri ini juga bakal memperoleh faedah daripada *ASEAN Multilateral Agreement on Full Liberalisation of Passenger Air Services* (MAFLPAS) yang akan dimuktamadkan menjelang akhir tahun 2010. Pelaksanaan MAFLPAS akan memperluaskan lagi rangkaian hubungan dan akses penerbangan ke semua bandar ASEAN, yang mana sebelum ini penerbangan hanya dibenarkan untuk mendarat di ibu negara ASEAN sahaja di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on Air Services*. Tambahan pula, pembinaan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) baru yang juga dikenali sebagai KLIA 2 dengan kapasiti tahunan 30 juta penumpang dijangka merencanakan lagi industri perjalanan. Setelah KLIA 2 siap pada April 2012, terminal LCCT sedia ada akan diubahsuai menjadi terminal kargo udara, seterusnya meningkatkan kapasiti gudang kargo KLIA untuk memenuhi peningkatan permintaan perkhidmatan kargo udara.

Prestasi segmen pengangkutan darat bertambah baik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, didorong oleh usaha untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam bandar di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mengenai pengangkutan awam. Sehubungan itu, bilangan penumpang perkhidmatan rel bandar di Lembah Klang (Aliran Ampang, Aliran Kelana Jaya, *KL Monorail*, *Express Rail Link* dan KTM Komuter) meningkat 3.6% kepada 98.7 juta penumpang (Januari – Julai 2009: -3.7%; 95.2 juta). Peningkatan kapasiti dan perkhidmatan utama termasuklah pengoperasian 17 set tren empat gerabak bagi Aliran Kelana Jaya, pengintegrasian

mod pengangkutan melalui penyediaan pas perjalanan tanpa had bagi perkhidmatan bas dan rel RapidKL serta permulaan perkhidmatan KTM Komuter Sentul – Batu Caves mulai 31 Julai 2010.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, bilangan penumpang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi perkhidmatan antara bandar berkembang 1.1% kepada 2.5 juta (Januari – Julai 2009: 21.3%; 2.4 juta), seterusnya meningkatkan kutipan hasil sebanyak 6.6% kepada RM50.5 juta (Januari – Julai 2009: 13.9%; RM47.4 juta). Ini berikutan peningkatan permintaan serta penambahan kekerapan dan perkhidmatan. Perkhidmatan KTMB antara bandar dirancarkan lagi dengan pengenalan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) di antara Ipoh – Kuala Lumpur – Seremban pada 12 Ogos 2010. Perkhidmatan ini mengurangkan masa perjalanan di antara Ipoh dan Kuala Lumpur kepada hampir dua jam berbanding tiga jam sebelum ini. Hasil kargo KTMB juga meningkat 6.6% kepada RM67.5 juta (Januari – Julai 2009: -8.3%; RM63.3 juta) disebabkan terutamanya oleh peningkatan penghantaran kargo konvensional, khususnya bahan berkaitan pembinaan.

Bilangan penumpang bas *RapidKL* menurun 15.6% kepada 65.5 juta (Januari – Julai 2009: -6.2%; 77.6 juta) disebabkan terutamanya oleh peralihan mod pengangkutan kepada perkhidmatan rel. Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan meningkat 25.7% kepada RM78.5 juta (Januari – Julai 2009: -5.4%; RM62.4 juta) berikutan pengenalan sistem tambang mengikut zon. Untuk meningkatkan bilangan penumpang dan mengurangkan masa perjalanan di Lembah Klang, *RapidKL* telah menambah bilangan dan laluan bas serta memperkenalkan perkhidmatan *Bus Expressway Transit* (BET). Bagi perkhidmatan bas *Rapid Penang* pula, bilangan penumpang meningkat 20.2% kepada 14.8 juta (Januari – Julai 2009: 24.8%; 12.3 juta) berikutan peningkatan kecekapan dan peluasan liputan perkhidmatan. Sementara itu, bilangan kenderaan di lebuh raya bertol terus meningkat 5.8% kepada 783.8 juta (Januari – Julai 2009: 5.0%; 740.7 juta). Peningkatan ini disokong oleh penggunaan yang lebih tinggi semasa musim

cuti dan perayaan, pemberian pelbagai diskaun kadar tol serta pembukaan Lebuhraya Kajang – Seremban (LEKAS), Lebuhraya Kemuning – Shah Alam (LKSA) dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE).

Usaha untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang komprehensif dan cekap akan terus dipergiat untuk meningkatkan syer penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang daripada 12% pada tahun 2009 kepada 30% menjelang tahun 2015. Inisiatif utama termasuk pengenalan sistem pengangkutan gerak cepat berkapasiti tinggi meliputi 20 kilometer radius dari pusat bandar Kuala Lumpur, pembelian 12 set tren empat gerabak bagi perkhidmatan *KL Monorail* dan pelaksanaan sistem *Bus Rapid Transit* (BRT). Selain daripada Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) di Bandar Tasik Selatan, sebuah lagi ITT baru akan dibina di Gombak. Di samping itu, sistem tiket bersepadu akan diperkenalkan, melibatkan 16 operator pengangkutan awam di Lembah Klang bagi menggantikan keperluan penggunaan pelbagai tiket.

Dari segi keupayaan institusi, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah ditubuhkan pada Jun 2010 sebagai pengawalselia tunggal bagi industri pengangkutan awam darat. Penubuhan Suruhanjaya ini bertujuan untuk mengintegrasikan perancangan, pengawalseliaan dan penguatkuasaan pengangkutan awam darat di samping memastikan keselamatan, kebolehpercayaan dan kebolehpencapaian. Pada masa ini, keutamaan SPAD adalah untuk merangka Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara serta rangka kerja pelaksanaan bagi operator pengangkutan awam, bermula dengan pengenalan struktur tambang baru.

Pada tahun 2010, **subsektor kewangan dan insurans** dijangka berkembang 6.3% (2009: 5.1%), disokong oleh aktiviti pinjaman bank dan insurans yang lebih tinggi. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 18.2%, 18.1% dan 15.2% (Januari – Julai 2009: 5.0%; -9.9%; -2.1%) disokong oleh pertumbuhan kukuh ekonomi

domestik. Sebahagian besar pengeluaran pinjaman disalurkan kepada sektor isi rumah. Jumlah pinjaman terkumpul juga berkembang kukuh sebanyak 11.9% kepada RM841.7 bilion pada akhir Julai 2010 (akhir 2009: 7.8%; RM783.5 bilion). Sementara itu, pembiayaan Islam berkembang 25.1% kepada RM211.6 bilion dan meliputi 21.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (akhir 2009: 24.1%; RM186.8 bilion; 21.6%). Pembiayaan terus tertumpu kepada sektor isi rumah berjumlah RM134.4 bilion atau 63.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul (akhir 2009: RM117.7 bilion; 63.0%). Pertumbuhan subsektor ini juga disokong oleh prestasi industri insurans yang stabil. Premium perniagaan baru untuk insurans hayat biasa meningkat 12.6% kepada RM3.6 bilion (Januari – Julai 2009: 26.3%; RM3.3 bilion) manakala sumbangan perniagaan baru bagi takaful keluarga melonjak 25.8% kepada RM1.6 bilion (Januari – Julai 2009: 7.9%; RM1.3 bilion). Di samping itu, premium langsung kasar bagi industri insurans am meningkat 9.3% (Januari – Julai 2009: 5.6%) didorong oleh penambahan sumbangan daripada segmen kenderaan bermotor dan kebakaran. Sementara itu, sumbangan langsung kasar bagi industri takaful meningkat 27.6% (Januari – Julai 2009: 26.2%) disebabkan oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada perniagaan berkaitan minyak luar pesisir, penerbangan, kargo, badan kapal dan kebakaran.

Subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dianggar meningkat 5.6% pada tahun 2010 (2009: 2.4%), disokong oleh aktiviti harta tanah serta perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) yang lebih tinggi. Dalam tempoh enam bulan pertama 2010, subsektor ini kembali kukuh mencatat pertumbuhan sebanyak 8.1% (Januari – Jun 2009: -1.1%), dengan jumlah transaksi harta tanah meningkat 19.0% kepada 184,675 (Januari – Jun 2009: -9.5%; 155,190) dan nilai transaksi melonjak 48.0% kepada RM50.6 bilion (Januari – Jun 2009: -26.5%; RM34.1 bilion). Pinjaman yang diluluskan untuk pembelian harta tanah kediaman meningkat 31.6% kepada RM39.4 bilion (Januari – Jun 2009: 0.3%; RM29.9 bilion) berikutan sentimen pengguna dan keadaan pasaran buruh yang bertambah baik.

Sementara itu, bagi aktiviti SSO, Malaysia kekal sebagai lokasi ketiga terbaik di dunia. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2010, 118 pertubuhan serantau baru telah diluluskan (Januari – Ogos 2009: 119) dengan anggaran pelaburan berjumlah RM165.1 juta dan pewujudan 640 peluang pekerjaan (Januari – Ogos 2009: RM219.1 juta; 741 pekerjaan). Dengan ini, jumlah pertubuhan serantau telah meningkat kepada 2,881 (akhir 2009: 2,763), terdiri daripada 1,659 pejabat perwakilan, 797 pejabat serantau, 213 pusat perolehan antarabangsa, 188 ibu pejabat operasi dan 24 pusat pengedaran serantau. Kebanyakan pertubuhan ini merupakan syarikat asing yang terlibat dalam pelbagai aktiviti seperti E&E, kewangan, kimia, minyak dan gas serta logistik.

Sejak pelancaran Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) pada tahun 1996 hingga akhir Ogos 2010, sejumlah 2,640 syarikat berstatus MSC Malaysia telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 2,037 syarikat masih beroperasi merangkumi 77.1% syarikat pemilikan Malaysia, 20.1% pemilikan asing dan bakinya syarikat usaha sama. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2010, sebanyak 120 syarikat yang kebanyakannya terlibat dalam aktiviti multimedia kreatif, *InfoTech* dan SSO telah diberi status MSC Malaysia (Januari – Ogos 2009: 170). Segmen perkhidmatan perniagaan dijangka memperoleh faedah daripada perluasan berterusan MSC Malaysia. Pada akhir Ogos 2010, terdapat sejumlah 19 MSC Malaysia *cybercities* dan *cybercentres* beroperasi di seluruh negara.

Subsektor utiliti dijangka berkembang 8.5% pada tahun 2010 (2009: 0.4%) berikutan peningkatan permintaan bekalan elektrik, terutamanya daripada sektor pembuatan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, penjanaan elektrik meningkat 11.7%, manakala jualan berkembang 12.6% (Januari – Julai 2009: -3.9%; -4.3%). Segmen industri menyumbang 43.3% kepada jumlah penggunaan elektrik, diikuti oleh segmen komersial (33.7%) dan isi rumah (21.4%). Dalam tempoh tersebut, permintaan elektrik maksimum mencecah paras tertinggi pada 15,072 megawatt (MW) pada Mei 2010 (Januari – Julai 2009: 14,029 MW pada

bulan Jun). Sementara itu, pengeluaran bekalan air meningkat 1.4% kepada 13,392 juta liter sehari (jlh) (Januari – Julai 2009: -0.05%; 13,207 jlh). Kerajaan terus komited untuk menstruktur semula industri bekalan air bagi menambah baik kecekapan dan memastikan kemapanan perkhidmatan bekalan air. Sehingga kini, empat negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis telah menyempurnakan program penstrukturan semula bekalan air manakala rundingan dengan negeri Kedah, Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu dijangka dimuktamadkan menjelang akhir tahun.

Subsektor perkhidmatan lain dijangka meningkat 4.2% pada tahun 2010 (2009: 4.4%) didorong oleh aktiviti pendidikan dan kesihatan swasta yang lebih tinggi. Pada akhir Jun 2010, terdapat 472 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), merangkumi 42 universiti swasta dan kolej universiti, lima cawangan universiti asing serta 425 kolej swasta. Jumlah enrolmen pelajar asing di universiti tempatan dijangka meningkat 14.3% kepada 92,336 pada tahun 2010 (2009: 16.8%; 80,750), dengan 65,909 di universiti swasta dan 26,427 di universiti awam (2009: 58,294; 22,456). Sementara itu, industri pelancongan kesihatan dianggap menarik 370,000 pesakit asing pada tahun 2010, menjana hasil sebanyak RM331.4 juta (2009: 336,225; RM288.2 juta). Ini disokong oleh penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan di hospital swasta. Selain itu, sebagai sebahagian daripada usaha liberalisasi Kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing industri ini, penyedia perkhidmatan kesihatan swasta dibenarkan untuk mengiklankan kemudahan dan perkhidmatan mereka menerusi semua saluran media mulai September 2010. Nilai ditambah **subsektor perkhidmatan kerajaan** dianggap berkembang 6.7% pada tahun 2010 (2009: 2.0%) berikutan perbelanjaan emolument yang lebih tinggi bertujuan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam, khususnya melalui pelaksanaan NKRA.


Sektor Pembuatan

Output kembali meningkat kukuh...

Sektor pembuatan mencatat prestasi yang cemerlang, melonjak 16.4% dalam tempoh enam bulan pertama 2010 (Januari – Jun 2009: -16.2%). Pertumbuhan telah dipacu oleh peningkatan dalam permintaan global dan diperkukuh oleh prestasi teguh industri berorientasi domestik. Output sektor ini berkembang 14.1% (Januari – Julai 2009: -16.0%) dengan nilai jualan produk pembuatan meningkat 19.0% kepada RM307.4 bilion (Januari – Julai 2009: -25.4%; RM258.3 bilion). Industri berorientasi eksport mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.1% (Januari – Julai 2009: -20.3%) dengan pemulihan ketara dalam kebanyakan subsektor berikutan permintaan luar yang kukuh. Pertumbuhan industri berorientasi domestik juga berkembang kukuh, meningkat 16.3% (Januari – Julai 2009: -10.6%) didorong

CARTA 3.2

Prestasi Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)



terutamanya oleh subsektor kimia, berkaitan pembinaan dan kelengkapan pengangkutan. Kadar kapasiti penggunaan meningkat kepada 82.0% dalam tempoh suku kedua 2010 (S1 2010: 81.7%), menjurus kepada perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam sektor tersebut. Bagi keseluruhan tahun 2010, pertumbuhan nilai ditambah bagi sektor pembuatan dijangka meningkat 10.8% (2009: -9.4%) didorong oleh permintaan domestik dan serantau yang kukuh.

Subsektor **E&E** kembali cergas dengan ketara, mencatat pertumbuhan sebanyak 27.4% (Januari – Julai 2009: -32.4%) berikutan pemulihan ekonomi global secara menyeluruh dalam permintaan dan aktiviti penstokan semula. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan permintaan dalam subsektor peranti semikonduktor, perkakas audio visual dan komunikasi serta perkakas jentera elektrik. Peranti semikonduktor meningkat 62.8% (Januari – Julai 2009: -30.8%) disokong oleh peningkatan perbelanjaan global ke atas alat

JADUAL 3.3

Indeks Pengeluaran Pembuatan
Januari – Julai
 (2005 = 100)

	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2009	2010	2009	2010	2009	2010
Industri						
Industri berorientasi eksport	90.6	101.6	-20.3	12.1	54.2	53.4
Produk elektrik dan elektronik	75.6	96.3	-32.4	27.4	23.5	26.3
Produk petroleum	118.9	105.4	-0.4	-11.4	19.3	15.0
Tekstil, pakaian dan kasut	81.1	80.0	-20.0	-1.3	1.6	1.4
Kayu dan produk kayu	71.3	85.4	-24.1	19.7	3.3	3.5
Produk getah	116.5	145.9	-12.0	25.3	3.0	3.3
Jentera dan kelengkapan	96.8	138.6	-28.4	43.2	1.9	2.5
Instrumen perubatan, optik dan saintifik	120.4	126.2	16.8	4.9	1.6	1.4
Industri berorientasi domestik	106.7	124.0	-10.6	16.3	45.8	46.6
Kimia dan produk kimia	98.1	118.2	-9.3	20.4	14.1	14.8
Produk plastik	122.4	125.4	-8.3	2.4	4.3	3.9
Logam asas	87.4	113.6	-34.1	30.0	2.2	2.5
Produk logam direka	142.4	163.7	-5.8	14.9	4.1	4.2
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	95.9	115.2	-15.9	20.2	3.0	3.1
Kertas dan produk kertas	94.6	114.0	-26.2	20.5	1.2	1.3
Percetakan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan percetakan	122.3	130.0	-6.3	6.3	1.1	1.0
Kelengkapan pengangkutan	100.3	136.9	-13.1	36.5	4.5	5.4
Produk makanan	128.3	132.2	-0.1	3.0	5.5	5.0
Minuman	104.1	132.5	-10.1	27.3	1.4	1.6
Produk tembakau	93.2	92.3	-5.0	-1.0	0.4	0.3
Pemprosesan di luar estet	104.3	106.4	-5.9	2.0	4.0	3.5
Jumlah	97.3	111.1	-16.0	14.1	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

elektronik, khususnya bagi produk baru seperti telefon pintar dan komputer *tablet* serta aplikasi automotif. Selain itu, aktiviti penstokan semula turut memberi manfaat kepada pertumbuhan industri ini. Peningkatan permintaan global bagi peranti jimat tenaga seperti diod pemancar cahaya (LED) dan *photovoltaics* solar juga menyumbang kepada prestasi kukuh industri semikonduktor. Pertumbuhan ini selaras dengan jualan global bagi semikonduktor yang telah meningkat dengan kukuh sejak November 2009. *Semiconductor Industry Association* melaporkan bahawa jualan semikonduktor seluruh dunia melonjak 48.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 dengan pemulihan permintaan yang menyeluruh bagi kebanyakan kategori produk. Justeru, pengilang elektronik Malaysia memperoleh manfaat yang berterusan daripada perkembangan positif ini selaras dengan kepelbagaian produk dan pasaran eksport mereka. Tambahan pula, subsektor elektronik kini menjadi semakin bersepadu dengan rangkaian bekalan global, khususnya dengan China, Singapura dan negara perindustrian Asia yang lain. Subsektor ini dijangka terus berkembang pada kadar yang lebih

perlahan, seperti yang digambarkan oleh nisbah *book-to-bill* yang menyederhana dengan catatan 1.17 pada Ogos 2010 (Julai 2010: 1.23).

Output perkakas audio visual dan komunikasi juga berkembang mendadak sebanyak 68.7% (Januari – Julai 2009: -27.0%), didorong oleh peningkatan permintaan bagi produk elektronik pengguna, yang mana kebanyakan pembeliannya ditangguhkan semasa krisis ekonomi 2009. Paling ketara, pengeluaran set televisyen meningkat 95.3% disebabkan oleh aktiviti penambahbaikan dan penggantian sebelum musim Piala Dunia FIFA 2010.

Pengeluaran **kayu dan produk kayu** berkembang 19.7% (Januari – Julai 2009: -24.1%), disebabkan terutamanya oleh peningkatan output kepingan venir dan papan lapis (24.2%) serta perabot kayu dan rotan (20.9%). Ini disokong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk struktur berasaskan kayu berikutan pemulihan pasaran perumahan Jepun. Berdasarkan permintaan yang lebih baik, harga eksport papan lapis meningkat 7.8% kepada RM1,370 per meter padu dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: RM1,270 per meter padu).

Sementara itu, output **produk petroleum** terus menguncup 11.4% (Januari – Julai 2009: -0.4%) berikutan bekalan minyak mentah yang rendah serta penyelenggaraan medan minyak yang menjejaskan aktiviti penapisan. Pengeluaran yang lebih rendah juga direkodkan bagi gasolin (-21.3%), minyak bahan api (-21.5%), gas petroleum cecair (LPG) (-10.6%) serta minyak diesel dan gas (-27.3%). Subsektor ini akan terus disokong oleh permintaan daripada industri berintensifkan tenaga serta pemulihan aktiviti ekonomi serantau.

Output **produk getah** kembali cergas sebanyak 25.3% (Januari – Julai 2009: -12.0%), disokong oleh peningkatan pengeluaran tayar getah dan tiub (36.7%) serta sarung tangan getah (14.9%). Prestasi subsektor yang mantap ini sebahagiannya didorong oleh peningkatan permintaan domestik dan luaran bagi tayar getah berikutan pemulihan pantas industri kenderaan penumpang serantau.

JADUAL 3.4

Pertumbuhan Industri E&E
Januari – Julai
(2005 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2009	2010	2009	2010
Jumlah Pembuatan	-16.0	14.1	100.0	100.0
Jumlah E&E	-32.4	27.4	23.5	26.3
Semikonduktor dan lain-lain komponen	-30.8	39.0	10.0	12.2
Perkakas audio visual dan komunikasi	-27.0	68.7	3.6	5.3
Mesin pejabat, perakaunan dan pengiraan	-38.6	-14.7	7.4	5.5
Jentera dan perkakas elektrik	-26.0	51.3	2.2	3.0
Peralatan domestik (t.d.t.l.) ¹	-17.9	12.9	0.3	0.3

¹ Tidak dicatat di tempat lain.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.


Pertumbuhan subsektor ini juga disokong oleh permintaan bagi sarung tangan getah, terutamanya bagi industri penjagaan kesihatan. Walaupun kos input semakin meningkat yang menyebabkan kenaikan harga, permintaan untuk sarung tangan getah dijangka kekal kukuh, disokong oleh kesedaran amalan kebersihan diri yang meningkat, penguatkuasaan peraturan penjagaan kesihatan yang lebih tegas serta penduduk dunia yang semakin bertambah, khususnya di negara membangun yang berkembang pesat. Permintaan global bagi sarung tangan getah dijangka meningkat kepada 150 bilion keping dengan jangkaan pertumbuhan tahunan antara 8.0% hingga 10.0%. Berdasarkan perkembangan positif dan kadar kapasiti penggunaan yang tinggi, pengilang sarung tangan getah terus meningkatkan kapasiti pengeluaran secara lebih agresif bagi memenuhi permintaan pada masa hadapan, khususnya dari negara membangun yang berkembang pesat seperti China, India dan Rusia.

Pengeluaran bagi **jentera dan kelengkapan (M&E)** kembali cergas sebanyak 43.2% (Januari – Julai 2009: -28.4%), berikutan peningkatan pengeluaran bagi mesin penyaman udara, mesin penyejuk dan pengalih udara (33.9%) serta pembuatan bagi alat jentera (77.7%). Peningkatan ini disebabkan sebahagian besar oleh peningkatan keupayaan dan penggantian M&E, berikutan prospek perniagaan yang lebih baik. Permintaan M&E juga dijangka meningkat, berikutan pelaksanaan projek pengembangan sektor pembuatan yang ditangguhkan semasa kemerosotan ekonomi.

Output bagi **instrumen perubatan, optik dan saintifik** berkembang 4.9% (Januari – Julai 2009: 16.8%) disokong terutamanya oleh peningkatan permintaan bagi instrumen optik dan kelengkapan fotografi yang mencatat peningkatan ketara sebanyak 87.7% (Januari – Julai 2009: -55.0%). Prestasi

CARTA 3.3


Prestasi Industri Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.4

Output Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

yang memberangsangkan ini disebabkan oleh permintaan domestik dan luaran yang semakin meningkat, terutamanya bagi menaik taraf kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan, klinik dan hospital swasta serta peningkatan kesedaran kesihatan di kalangan pengguna. Subsektor ini dijangka terus berkembang pada tahun 2010 disokong oleh pertumbuhan cergas industri pelancongan kesihatan Malaysia dengan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 22.0%.

Sementara itu, output **tekstil, pakaian dan kasut** merosot 1.3% (Januari – Julai 2009: -20.0%) disebabkan oleh persaingan sengit daripada pengeluar kos rendah serantau. Tambahan pula, pengilang tempatan telah beralih ke tahap aktiviti rantai nilai yang lebih tinggi dengan penghasilan reka bentuk serta memindahkan operasi ke negara yang menawarkan kos pengeluaran yang lebih rendah. Ini digambarkan oleh pengeluaran pakaian yang menguncup 2.5% (Januari – Julai 2009: -16.7%). Secara keseluruhannya, prestasi yang kurang memberangsangkan ini diimbangi oleh peningkatan pengeluaran kain dan artikel yang dikait dan dikrusye (5.8%).

Bagi industri berorientasi domestik, **pengeluaran kimia dan produk kimia** mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 20.4% (Januari – Julai 2009: -9.3%). Pemulihan mantap dalam keseluruhan aktiviti pembuatan meningkatkan lagi pertumbuhan dalam bahan kimia asas, yang digunakan secara meluas dalam pembuatan elektronik, produk penjagaan diri, kertas dan pulpa, makanan, petroleum, getah serta produk farmaseutikal. Pengeluaran bahan kimia asas meningkat 11.0% (Januari – Julai 2009: -8.9%), disokong oleh peningkatan permintaan bagi plastik dalam bentuk utama dan getah tiruan (38.7%), baja dan sebatian nitrogen (38.1%) serta kimia perindustrian asas lain (7.9%). Tambahan pula, pengeluaran cat dan varnis meningkat 25.8%, disokong oleh aktiviti berkaitan pembinaan yang sedang dilaksanakan, khususnya kerja penyelenggaraan bangunan awam di bawah pakej rangsangan ekonomi. Pada masa yang sama,

output produk sabun, bahan pencuci, pembersih dan pengilat meningkat kukuh sebanyak 98.6%, didorong oleh permintaan tinggi untuk produk pencuci dan pembersihan diri.

Output bagi kumpulan **bahan berkaitan pembinaan** berkembang dengan ketara sebanyak 14.2% (Januari – Julai 2009: -13.2%), disokong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada subsektor bukan kediaman dan kejuruteraan awam. Ini dicerminkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi kaca dan produk kaca (72.9%), produk seramik refraktori (60.3%), produk dawai (20.1%) serta besi asas dan keluli (36.4%). Subsektor ini dianggar berkembang pesat selaras dengan jangkaan peningkatan pembinaan rumah kediaman dan pelaksanaan projek RMKe-10.

Pembuatan bagi subsektor **kelengkapan pengangkutan** mencatat pertumbuhan pesat sebanyak 36.5% (Januari – Julai 2009: -13.1%), didorong oleh jualan kenderaan penumpang yang lebih tinggi sejajar dengan keyakinan

JADUAL 3.5

**Pertumbuhan Industri Berkaitan Pembinaan
Januari – Julai
(2005 = 100)**

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2009	2010	2009	2010
Industri berkaitan pembinaan	-13.2	14.2	7.8	7.7
Kaca dan produk kaca	-49.4	72.9	0.6	0.8
Produk galian bukan logam (t.d.t.l.) ¹	-0.8	8.1	2.4	2.3
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	66.7	-16.7	1.9	1.4
Dawai, produk dawai dan kancing logam	-23.5	20.1	0.7	0.7
Besi asas dan keluli	-42.5	36.4	1.3	1.5
Logam asas berharga dan bukan ferus	-18.8	22.5	0.9	1.0

¹ Tidak dicatat di tempat lain.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

pengguna yang kukuh dan pasaran buruh yang semakin stabil. Paling ketara, output kenderaan bermotor mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 26.0% (Januari – Julai 2009: -15.9%) dengan kereta penumpang dan kenderaan perdagangan meningkat mendadak sebanyak 27.2% dan 17.8%. Jumlah volum menyeluruh (TIV) mencatat paras tertinggi sebanyak 56,139 unit pada Mac 2010, didorong oleh prospek ekonomi yang semakin baik. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2010, TIV meningkat 16.5% kepada 409,806 unit (Januari – Ogos 2009: -7.2%; 351,846 unit). Jualan bagi kenderaan penumpang baru berkembang 15.6% kepada 369,689 unit, sementara kenderaan komersial baru meningkat 24.8% kepada 40,117 unit. Sejajar dengan prestasi yang mantap ini, output alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor dan enjin kembali cergas dengan pertumbuhan 21.5% (Januari – Julai 2009: -7.5%), sementara pengeluaran badan untuk kenderaan bermotor, treler dan semi-treler berkembang 59.9% (Januari – Julai 2009: 40.2%). Bagi keseluruhan tahun 2010, TIV dijangka meningkat kepada 580,000 unit (2009: 536,905 unit) disokong oleh keadaan ekonomi dan sentimen pengguna yang bertambah baik, akses kepada pembiayaan kewangan yang mudah serta pengenalan model kereta baru dalam bulan yang mendatang.

Selaras dengan perbelanjaan pengguna yang meningkat, pengeluaran **makanan** kembali cergas dengan mencatat pertumbuhan 3.0% (Januari – Julai 2009: -0.1%), disumbang terutamanya oleh output yang lebih tinggi bagi minyak kelapa sawit bertapis (5.7%) serta produk ikan yang diproses (9.4%). Pertumbuhan juga dicatatkan dalam pengeluaran produk koko (22.5%) serta roti, kek dan produk bakeri lain (8.9%), berikutan pelbagai langkah yang diambil oleh pengilang tempatan untuk mempromosi dan memasarkan produk mereka di luar negara. Pengeluaran **minuman** meningkat 27.3% (Januari – Julai 2009: -10.1%) dirangsang oleh penggunaan yang lebih tinggi, terutamanya semasa musim Piala Dunia FIFA 2010. Sementara itu, bagi menangani kos input yang semakin meningkat,

usaha yang lebih gigih telah diambil oleh pengusaha industri makanan dan minuman untuk menambah baik teknologi pemprosesan makanan bagi meningkatkan kecekapan kos dan margin keuntungan. Memandangkan permintaan yang semakin meningkat serta pensijilan dan logo halal Malaysia yang mendapat pengiktirafan antarabangsa, lebih ramai pengilang menceburi industri pengeluaran makanan halal untuk mengambil peluang pasaran makanan halal global yang berkembang pesat, bernilai USD600 bilion.

Pengeluaran **produk plastik** meningkat 2.4% (Januari – Julai 2009: -8.3%), disokong oleh prestasi kukuh segmen pembungkusan pengguna. Output bagi beg dan filem plastik meningkat mendadak sebanyak 34.4% (Januari – Julai 2009: -15.8%), berikutan permintaan lebih tinggi dari negara membangun yang berkembang pesat di rantau ini. Pengeluaran produk tiupan teracu plastik meningkat 0.6% (Januari – Julai 2009: -6.4%), disebabkan sebahagian besar oleh permintaan bagi bahan pembungkusan daripada industri makanan dan minuman di pasaran domestik. Namun demikian, pertumbuhan keseluruhan subsektor produk plastik terjejas akibat kemerosotan produk dan komponen diacu suntikan plastik (-7.5%) dan produk busa plastik (*plastic foam*) (-46.1%), berikutan pengurangan ketara tempahan daripada pelanggan utama luar negara, khususnya Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU).

Seiring dengan pemulihan dalam permintaan global, subsektor **pemprosesan luar estetik** kembali pulih 2.0% (Januari – Julai 2009: -5.9%). Pemprosesan minyak sawit mentah (CPO) meningkat 0.6% (Januari – Julai 2009: -3.6%), sementara pengilangan semula getah dan prosesan susu getah kembali cergas 13.7% (Januari – Julai 2009: -20.7%). Meskipun aktiviti pemprosesan CPO meningkat secara marginal, kadar kapasiti penggunaan secara keseluruhannya kekal tinggi pada 83.0% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010.

Sektor Pertanian

Subsektor perladangan kembali cergas...

Sektor pertanian kembali pulih dengan pertumbuhan 4.5% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: -2.0%), didorong sebahagiannya oleh peningkatan pengeluaran komoditi utama seiring dengan eksport yang kukuh dan harga yang tinggi. Pertumbuhan juga disokong oleh prestasi menggalakkan subsektor bukan perladangan yang merangkumi perikanan, penternakan dan tanaman makanan lain. Pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi (HIP) termasuk Zon Industri Akuakultur (ZIA), Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) serta Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu juga menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini. Selain itu, inisiatif Kerajaan termasuk menubuhkan konsortium dan koperasi bagi menjalankan pengeluaran berskala besar, menggalakkan lebih banyak pelaburan sektor

swasta, mengamalkan teknologi pertanian moden dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menyediakan infrastruktur yang mencukupi akan merancakkan lagi sektor ini. Justeru, sektor pertanian dijangka berkembang 3.4% pada tahun 2010 (2009: 0.4%).

Nilai ditambah **subsektor kelapa sawit**, penyumbang terbesar kepada sektor pertanian, berkembang 0.3% (Januari – Jun 2009: -3.3%), disokong oleh peningkatan pengeluaran CPO pada awal tahun 2010. Pengeluaran CPO meningkat 1.8% kepada 11.1 juta tan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama 2010 (Januari – Ogos 2009: -4.0%; 10.9 juta tan metrik). Peningkatan pengeluaran adalah terutamanya dari Sabah dan Sarawak yang mana meningkat 9.2% kepada 4.8 juta tan metrik, menyumbang 43.4% kepada jumlah pengeluaran. Pengeluaran CPO dijangka terus meningkat dalam tempoh separuh kedua didokong oleh hasil buah tandan segar (FFB) yang lebih tinggi seiring dengan keadaan

JADUAL 3.6

Nilai Ditambah Sektor Pertanian 2009 – 2010

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)		Sumbangan kepada Pertanian (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Pertanian	0.4	3.4	100.0	100.0
Kelapa sawit	-1.1	1.3	31.8	31.2
Getah	-19.8	9.9	4.4	4.7
Koko	-33.8	-2.6	0.1	0.1
Perhutanan dan pembalakan	-5.9	-1.3	18.6	17.7
Pertanian lain ²	9.0	6.6	17.1	17.6
Perikanan	5.5	4.1	17.2	17.3
Ternakan	7.2	9.5	10.8	11.4

¹ Anggaran.

² Termasuk padi, buah-buahan, sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada dan nanas.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganan

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.7

Keluasan Tanaman dan Pengeluaran Kelapa Sawit 2009 – 2010

	Perubahan (%)	
	2009	2010 ¹
Keluasan tanaman (‘000 hektar)	4,691	4,818
Kawasan matang (‘000 hektar)	4,076	4,165
Pengeluaran (‘000 tan metrik)		
Minyak kelapa sawit	17,565	17,800
Minyak isirung kelapa sawit	2,097	2,100
Hasil (tan/hektar) ²	19.2	19.3

¹ Anggaran.

² Hasil buah tandan segar.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penganan

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

cuaca yang lebih menggalakkan berbanding dalam tempoh separuh pertama. Kadar perahan minyak (OER) juga dijangka meningkat berikutan amalan pertanian dan pengilangan yang baik. Sehubungan itu, pengeluaran dijangka meningkat 1.3% kepada 17.8 juta tan metrik pada tahun 2010 (2009: -1.0%; 17.6 juta tan metrik). Dengan pengeluaran sebanyak 17.6 juta tan metrik pada tahun 2009, Malaysia menyumbang kira-kira 40% kepada pengeluaran minyak sawit dunia dan merupakan pengeksport terbesar, merangkumi 46.0% daripada pasaran eksport minyak sawit dunia. Sektor kelapa sawit dijangka memainkan peranan penting dalam melonjakkan Malaysia ke arah status negara berpendapatan tinggi dengan hasil pertukaran asing melebihi dua kali ganda mencapai RM100 bilion pada tahun 2020.

Hasil FFB sehektar merosot kepada 11.8 tan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama (Januari – Ogos 2009: 11.9 tan metrik sehektar) kesan daripada cuaca kering dalam tempoh suku kedua 2010. Walau bagaimanapun, hasil FFB dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2010 berikutan cuaca yang semakin baik dan bermulanya musim kitaran pengeluaran meningkat. Bagi keseluruhan tahun 2010, hasil FFB dianggar lebih tinggi pada 19.3 tan metrik sehektar (2009: 19.2 tan metrik sehektar).

Jumlah kawasan tanaman kelapa sawit bertambah 4.0% kepada 4,757,627 hektar (akhir Jun 2009: 3.9%; 4,575,122 hektar). Harga yang kukuh dan permintaan dunia yang mapan akan meningkatkan lagi jumlah kawasan tanaman kelapa sawit, khususnya di Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2010, jumlah kawasan tanaman kelapa sawit dijangka meningkat kepada 4,818,220 hektar (2009: 4,691,161 hektar) dengan pembukaan 190,000 hektar kawasan baru, terutamanya di Sarawak. Daripada jumlah kawasan tanaman ini, 86.4% adalah kawasan matang.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2010, harga CPO (Hantaran Tempatan) meningkat kepada RM2,571 setan metrik (Januari – September 2009: RM2,243 setan metrik) disokong oleh peningkatan permintaan daripada pasaran utama seperti China,

EU, AS dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) serta kekangan bekalan, akibat cuaca yang kurang baik dan musim melawas. Meskipun bekalan dijangka meningkat pada bulan yang akan datang, harga CPO dijangka kekal stabil dalam tempoh separuh kedua memandangkan eksport, terutamanya ke Pakistan dan Timur Tengah diunjurkan meningkat, khususnya semasa musim perayaan. Tambahan pula, jangkaan harga yang tinggi bagi minyak mentah dan minyak sayuran lain seperti biji sesawi dan minyak kacang soya akan turut menyumbang kepada harga CPO yang teguh. Pada tahun 2010, harga CPO dianggar kekal kukuh pada purata RM2,500 setan metrik (2009: RM2,236 setan metrik).

Sementara itu, stok minyak sawit yang merangkumi CPO dan minyak sawit diproses meningkat kepada 1.7 juta tan metrik pada akhir Ogos 2010 (akhir Ogos 2009: 1.4 juta tan metrik) berikutan pengeluaran CPO yang lebih tinggi pada bulan Julai dan Ogos. Walaupun output dijangka lebih tinggi, stok dianggar kekal di bawah paras 2.0 juta tan metrik (akhir Disember 2009: 2.2 juta tan metrik) disebabkan oleh permintaan domestik dan luar yang stabil dalam tempoh separuh kedua 2010.

Subsektor getah meningkat ketara sebanyak 17.5% (Januari – Jun 2009: -31.5%) berikutan peningkatan yang besar dalam pengeluaran getah asli. Pengeluaran kembali cergas 13.9% kepada 531,474 tan metrik (Januari – Julai 2009: -29.7%; 466,501 tan metrik) didorong oleh penorehan secara intensif oleh pekebun kecil berikutan harga getah yang tinggi. Pekebun kecil menyumbang 94.4% kepada jumlah pengeluaran. Sebaliknya, pengeluaran daripada estet merosot 6.9% dalam tempoh yang sama memandangkan lebih banyak ladang estet telah ditukar kepada aktiviti ekonomi lain. Pengeluaran getah dianggar sederhana dalam tempoh separuh kedua 2010 berikutan aktiviti penorehan dijangka terjejas akibat cuaca lembap pada bulan seterusnya. Bagi keseluruhan tahun 2010, pengeluaran getah dianggar kembali kukuh 9.7% kepada 940,000 tan metrik (2009: -20.1%; 857,019 tan metrik).

Kawasan tanaman getah dijangka meningkat 1.0% kepada 1,031,720 hektar pada tahun 2010 (2009: -18.0%; 1,021,540 hektar) berikutan pembukaan kira-kira 10,000 hektar kawasan baru, khususnya di Sabah dan Sarawak. Menyedari kepentingan industri getah kepada pembangunan luar bandar dan aktiviti hiliran, Kerajaan terus menyediakan bantuan kepada pekebun kecil untuk memperluaskan kawasan tanaman getah. Antara inisiatif utama ialah menanam semula 20,000 hektar kawasan getah dan meningkatkan 20,000 hektar kawasan tanaman baru setahun, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Ini bagi mencapai objektif untuk meningkatkan pengeluaran getah sehingga mencecah 1.8 juta tan metrik dan jumlah kawasan penanaman getah kepada 1.2 juta hektar menjelang tahun 2020 di bawah *Malaysia Rubber Industry (MRI) Strategies 2010 – 2020*.

Harga getah asli (SMR 20) meningkat teguh kepada RM9.82 sekilogram dalam tempoh

sembilan bulan pertama (Januari – September 2009: RM5.71 sekilogram). Peningkatan ini disumbang oleh permintaan yang lebih tinggi terutamanya dari China yang mempunyai industri automotif terbesar dunia serta Jerman, Republik Korea dan AS. Harga SMR 20 mencapai paras tertinggi iaitu RM10.60 sekilogram pada 16 April 2010. Bagi keseluruhan tahun 2010, harga getah dijangka kekal tinggi pada purata RM9.50 sekilogram (2009: RM6.37 sekilogram) ekoran jangkakan peningkatan penggunaan dunia dan kekangan bekalan akibat cuaca yang kurang baik di negara pengeluar utama dalam tempoh separuh kedua 2010.

Subsektor perikanan berkembang 5.5% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: 10.6%) disumbang terutamanya oleh pengeluaran akuakultur. Pengeluaran akuakultur meningkat ketara sebanyak 38.8% kepada 249,090 tan metrik (Januari – Jun 2009: 9.1%; 179,412 tan metrik) berikutan pelaksanaan ZIA secara besar-besaran sejak tahun 2007. Sehingga kini, 95 ZIA telah dikenal pasti, yang mana 45 telah dinaiktaraf sebagai HIP. Sehingga akhir Jun 2010, 29 ZIA telah diwujudkan dan telah mula beroperasi. Pelbagai program Kerajaan termasuk pembiakan ikan, Pemulihan Kolam Terbiar, Bumi Hijau dan pembangunan sumber pertumbuhan baru seperti ikan hiasan, rumpai laut dan tanaman akuatik dijangka mengukuhkan lagi sektor pertanian. Bagi keseluruhan tahun 2010, pengeluaran akuakultur dijangka meningkat 22.9% kepada 500,000 tan metrik (2009: 14.9%; 406,938 tan metrik). Sebaliknya, pendaratan ikan laut merosot 2.9% kepada 692,343 tan metrik dalam tempoh enam bulan pertama (Januari – Jun 2009: 4.8%; 713,258 tan metrik) berikutan penangkapan ikan pesisiran pantai telah mencapai tahap optimum. Sehubungan itu, pendaratan ikan laut dianggap merosot kepada 1.3 juta tan metrik pada tahun 2010 (2009: 1.4 juta tan metrik). Bagi meningkatkan pendaratan ikan laut, Kerajaan menyediakan pelbagai langkah untuk menggalakkan perikanan laut dalam termasuk pengeluaran permit dan lesen baru serta latihan kepada nelayan. Selain itu, pembinaan lebih banyak tukun tiruan dan rumah ikan dijangka meningkatkan kuantiti ikan laut.

JADUAL 3.8

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah 2009 – 2010

			Perubahan (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,022	1,032	-18.0	1.0
Kebun kecil	961	966	-19.0	0.5
Estet	61	66	0.0	8.4
Hasil (kg sehektar)	1,450	1,480	1.4	2.1
Kebun kecil	1,440	1,470	1.4	2.1
Estet	1,610	1,620	0.6	0.6
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)	857	940	-20.1	9.7
Kebun kecil	800	884	-21.0	10.5
Estet	57	56	-5.3	-1.8
% daripada pengeluaran dunia	9.3	9.4		

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Bagi keseluruhan tahun 2010, subsektor perikanan dijangka berkembang 4.1% (2009: 5.5%).

Subsektor perhutanan dan pembalakan mencatatkan pertumbuhan 0.8% (Januari – Jun 2009: -11.9%). Pengeluaran kayu balak kukuh dalam tempoh suku pertama disebabkan ekonomi dunia yang semakin pulih dan pengimport utama terutamanya China dan India mula membuat penstokan semula. Tambahan pula, penggunaan domestik meningkat berikutan peningkatan permintaan kayu gergaji dan produk kayu gergaji khususnya untuk sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, pengeluaran kayu balak merosot dalam tempoh suku kedua disebabkan aktiviti pembalakan terhambat oleh cuaca lembap. Pengeluaran kayu balak khususnya dari Sabah dijangka terus merosot dalam tempoh separuh kedua berikutan pematuhan kuota pengeluaran balak di bawah Dasar Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Justeru, subsektor ini dijangka merosot 1.3% pada tahun 2010 (2009: -5.9%).

Subsektor ternakan terus berkembang 12.0% (Januari – Jun 2009: 5.9%) disokong oleh pengeluaran ayam, itik dan lembu yang lebih tinggi. Pertambahan bilangan pengeluar dan kapasiti menternak serta produktiviti yang lebih tinggi menyumbang kepada peningkatan pengeluaran ternakan. Tambahan pula, bantuan Kerajaan di bawah Program Jaminan Makanan, Skim Transformasi Usahawan Ternakan, Ladang Kontrak, Ladang Satelit dan Ladang Fidlot, yang menumpukan kepada pengeluaran berskala besar dijangka meningkatkan pengeluaran lembu. Sehingga kini, terdapat 534 ladang fidlot dan 71 ladang satelit beroperasi di Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Terengganu. Subsektor ternakan dijangka berkembang 9.5% pada tahun 2010 (2009: 7.2%) disokong oleh pelaksanaan berterusan pelbagai program dan insentif.

Subsektor pertanian lain meningkat 7.5% (Januari – Jun 2009: 8.2%) disokong oleh pengeluaran padi, buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi. Bagi keseluruhan tahun, subsektor ini dijangka berkembang 6.6% (2009: 9.0%) dipacu sebahagian besar oleh pengeluaran buah-buahan

JADUAL 3.9

Pengeluaran Pertanian Lain 2009 – 2010

('000 tan metrik)

	2009	2010 ¹	Perubahan (%)	
			2009	2010 ¹
Ternakan				
Daging ²	250	283	6.4	13.2
Ayam	1,202	1,296	3.4	7.8
Telur (juta)	9,270	9,826	6.4	6.0
Susu (juta liter)	62	67	10.3	7.5
Pertanian pelbagai				
Buah-buahan ³	1,121	1,230	1.8	9.7
Lada	22	24	-1.4	10.5
Sayuran	767	651	28.9	-15.1
Kelapa (juta unit)	379	528	-16.7	39.3
Tembakau (juta kg) ⁴	25	42	-58.7	69.4
Bunga (juta keratan)	441	468	39.1	6.2

¹ Anggaran.² Termasuk daging lembu, kambing dan khinzir.³ Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu, mangga, manggis, pisang, rambutan dan nanas.⁴ Daun tembakau hijau dan kering.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.



Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Malaysia

yang lebih tinggi. Selain daripada peningkatan permintaan domestik dan luar, peningkatan pengeluaran tanaman makanan disokong terutamanya oleh perluasan kawasan tanaman di bawah skim TKPM. Pada akhir Jun 2010, sejumlah 53 TKPM telah ditubuhkan dengan kawasan tanaman seluas 4,692 hektar.

Hasil purata **padi** sehektar dijangka meningkat kepada 4.0 tan metrik (2009: 3.7 tan metrik sehektar) didorong oleh produktiviti tinggi, khususnya daripada kawasan jelapang padi. Usaha diambil untuk meningkatkan produktiviti padi, termasuk menaik taraf dan meningkatkan infrastruktur saliran dan perparitan serta penggunaan benih berhasil tinggi seperti MR219 dan MR220. Melalui usaha ini, Kerajaan mensasarkan untuk mencapai 71.4% tahap sara

CARTA 3.5

Nilai Ditambah Komoditi Utama (pada harga malar 2000)


¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

diri (SSL) bagi beras pada tahun 2010 (2009: 70.4% SSL). Pembukaan kawasan baru bagi tanaman padi seperti di Sarawak, khususnya di Betong, Kuching, Sibu dan Sri Aman dijangka meningkatkan kawasan penanaman padi kepada 629,559 hektar pada tahun 2010 (2009: 615,859 hektar).

Sektor Perlombongan

Pengeluaran gas asli yang lebih tinggi...

Pertumbuhan **sektor perlombongan** kembali pulih 2.0% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: -4.4%) dipacu sebahagian besarnya oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi yang dapat mengimbangi pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah. Trend ini dijangka berterusan dalam tempoh separuh kedua, justeru, sektor ini dianggar berkembang 1.0% pada tahun 2010 (2009: -3.8%).

Dalam tempoh lapan bulan pertama, pengeluaran **minyak mentah** (termasuk kondensat) merosot 3.8% kepada 637,019 tong sehari (tsh) (Januari – Ogos 2009: -4.6%; 662,137 tsh). Di samping penutupan yang tidak dirancang bagi kerja-kerja pembaikpulihan dan penyelenggaraan pelantar minyak, penurunan dalam pengeluaran juga disebabkan oleh pematuhan kepada had pengeluaran di bawah Dasar Susutan Nasional yang menetapkan pengeluaran purata tahunan sebanyak 650,000 tsh. Pada masa ini, Semenanjung Malaysia mencakupi 42.4% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran minyak mentah dengan output sebanyak 270,425 tsh, sementara Sarawak 30.7% (195,510 tsh) dan Sabah 26.9% (171,084 tsh). Bagi keseluruhan tahun 2010, pengeluaran minyak mentah dijangka merosot 2.6% kepada 641,400 tsh (2009: -4.5%; 658,845 tsh) disebabkan sebahagiannya oleh pelaksanaan program Pelan Pengurusan Reservoir, Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS).

PETRONAS terus menjalankan aktiviti penerokaan bagi meningkatkan rizab negara serta untuk merancakkan industri berkaitan minyak dan gas tempatan. Sehubungan itu, satu medan minyak baru (Anjung Kecil) telah ditemui di luar persisiran pantai Sarawak pada tahun 2010. Pada akhir Disember 2009, terdapat 68 medan minyak yang menyumbang kepada pengeluaran. Rizab minyak mentah negara berada pada paras 5.80 bilion tong pada 1 Januari 2010 dan dijangka bertahan selama 24 tahun (1 Januari 2009: 5.52 bilion tong; 22 tahun) berdasarkan paras pengeluaran semasa.

Sebaliknya, pengeluaran **gas asli** berkembang 4.8% kepada 1,469,665 juta kaki padu (mmscf) (Januari – Ogos 2009: -2.8%; 1,402,324 mmscf) berikutan permintaan domestik yang lebih kukuh daripada industri petrokimia serta eksport yang lebih tinggi khususnya ke Jepun, Republik Korea, Taiwan dan China. Jumlah pengeluaran bagi keseluruhan tahun 2010 dijangka meningkat 5.2%

kepada 2,229,074 mmscf (2009: -1.7%; 2,119,118 mmscf) selaras dengan unjuran permintaan domestik dan luar yang kukuh serta jangkaan peningkatan pengeluaran daripada medan gas baru di Kelompok Medan Kumang di luar persisiran pantai Sarawak. Dalam tempoh enam bulan pertama 2010, dua medan gas baru ditemui di luar persisiran pantai Semenanjung Malaysia (Melawati) dan di luar persisiran pantai Sarawak (NC8). Terdapat potensi untuk peningkatan pengeluaran gas asli yang ketara bagi tahun 2010 disokong oleh pembangunan projek seperti Saluran Paip Sabah – Sarawak, pembesaran loji MLNG DUA serta pembaharuan infrastruktur penyaluran gas di Semenanjung Malaysia. Pada 1 Januari 2010, rizab gas berada pada paras 88.6 trilion kaki padu, mampu bertahan selama 38 tahun (1 Januari 2009: 87.9 trilion kaki padu; 36 tahun).

Sejajar dengan perkembangan permintaan global, harga purata *West Texas Intermediate* (WTI) meningkat kepada USD77.58 setong manakala Tapis *Blend* kepada USD81.02 setong dalam tempoh sembilan bulan pertama 2010 (Januari – September 2009: USD56.89 setong; USD60.46 setong). Kenaikan harga yang lebih tinggi disebabkan sebahagian besarnya oleh nilai dolar Amerika yang lebih lemah dan peningkatan permintaan khususnya dari China dan India berikutan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Tambahan pula, bekalan daripada negara pengeluar *Organisation of the Petroleum Exporting Countries* (OPEC) tidak banyak berubah. Harga purata Tapis dijangka kekal kukuh pada purata USD80.00 setong pada tahun 2010 (2009: USD65.42 setong) sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dunia. Seterusnya, nilai dolar Amerika yang kukuh dan pemulihan ekonomi dunia yang berterusan serta pengeluaran dari negara OPEC adalah merupakan faktor utama dalam menentukan pergerakan harga minyak mentah.

Pengeluaran timah merosot 0.9% kepada 1,176 tan metrik (Januari – Jun 2009: -6.1%; 1,187 tan metrik) akibat daripada penutupan beberapa lombong bijih timah dan peningkatan kos pengeluaran. Dengan hanya sembilan lombong bijih timah yang beroperasi, pengeluaran bijih timah dijangka merosot 4.6%

JADUAL 3.10

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2009 – 2010

			Perubahan (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Minyak mentah				
Pengeluaran ² (‘000 tong sehari)	658.8	641.4	-4.5	-2.6
Rizab (bilion tong)	5.52	5.80	1.1	5.1
Rizab/ pengeluaran (tahun)	22	24	-	-
Gas asli				
Pengeluaran ³ (‘000 juta kaki padu) (mmscf)	2,119.1	2,229.1	-1.7	5.2
Rizab (trilion kaki padu)	87.9	88.6	-0.1	0.8
Rizab/ pengeluaran (tahun)	36	38	-	-

¹ Anggaran.

² Termasuk kondensat.

³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: PETRONAS.

kepada 2,300 tan metrik (2009: -19.8%; 2,412 tan metrik). Walau bagaimanapun, harga purata bijih timah yang didagangkan di *Kuala Lumpur Tin Market* (KLTM) meningkat kepada USD17,550 setan metrik (Januari – Jun 2009: USD12,141 setan metrik) berikutan permintaan global yang telah pulih.

Sektor Pembinaan

Aktiviti pembinaan terus kukuh...

Nilai ditambah **sektor pembinaan** terus kukuh 6.3% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: 2.9%). Perkembangan ini sebahagian besar didokong oleh peningkatan aktiviti kejuruteraan awam dan bukan kediaman berikutan pelaksanaan segera projek pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan pakej rangsangan. Sektor pembinaan dianggap berkembang 4.9% pada tahun 2010 (2009: 5.8%) berikutan permintaan harta tanah yang menggalakkan khususnya bagi bangunan komersial serta sentimen peniaga dan pengguna yang positif.

JADUAL 3.11

Projek Utama Yang Sedang Dilaksanakan

	Peruntukan (2010) RM juta
Pembinaan, penyelenggaraan dan menaik taraf jalan luar bandar	1,200.0
Landasan Berkembar Elektrik Seremban - Gemas	551.0
Penyaluran Air Mentah Pahang - Selangor	284.3
Empangan Bengoh Kuching	160.7
Landasan Berkembar Elektrik Ipoh - Padang Besar	151.0
Lebuhraya Pantai Timur Jabur - Kuala Terengganu (Fasa 2)	33.0
Menaik taraf Lapangan Terbang Kota Kinabalu (Fasa 2)	27.0
Lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor	15.0
Menaik taraf Lapangan Terbang Kuching	11.7

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Aktiviti **subsektor kejuruteraan awam dan kerja pertukangan khas** terus rancak. Antara projek lebuhraya utama yang sedang dilaksanakan adalah Lebuhraya Senai – Desaru (SDE), Lebuhraya Skudai – Senai, Lebuhraya Kuala Lumpur – Kuala Selangor (KLKS) dan Lebuhraya Pantai Timur Jabur – Kuala Terengganu (Fasa 2). Tambahan pula, pembangunan projek koridor termasuk pembinaan lebuhraya persisir pantai dari Johor Bahru ke Nusajaya serta menaik taraf Jalan Skudai dan Jalan Abu Bakar di Iskandar Malaysia merancakkan lagi pertumbuhan subsektor ini. Pelaksanaan projek yang dijalankan di bawah PRE2 termasuk penyelenggaraan dan penambahbaikan bangunan awam, jalan serta jambatan juga menyokong pertumbuhan subsektor ini. Pada akhir September 2010, sejumlah 119,203 projek bernilai RM17.9 bilion telah dilaksanakan di bawah kedua-dua pakej rangsangan. Subsektor ini juga memperoleh manfaat daripada pelaksanaan projek di bawah NKRA bagi infrastruktur luar bandar. Pada akhir Ogos 2010, sejumlah 518.8 kilometer jalan luar bandar telah disiapkan, sementara 11 loji rawatan air sedang dalam pembinaan.

Aktiviti pembinaan di bawah **subsektor kediaman** berada pada tahap yang perlahan berikutan banyak harta tanah bernilai tinggi khususnya kondominium dan apartmen telah siap dibina. Tambahan pula, prestasi subsektor dalam tempoh separuh pertama 2010 turut terjejas dengan penundaan pelancaran projek baru semasa kemelesetan ekonomi pada tahun 2009 memandangkan pemaju bersikap lebih berhati-hati. Walau bagaimanapun, berikutan pemulihan ekonomi berserta dengan pakej kewangan menarik dan kadar faedah yang berpatutan, unit rumah mula dibina meningkat 3.2% dalam tempoh suku kedua 2010 berbanding suku sebelumnya. Tambahan pula, kadar jualan unit kediaman baru yang dilancarkan meningkat kepada 19.5% (Januari – Jun 2009: 12.3%). Meskipun aktiviti pembinaan rumah perlahan, harta tanah bernilai tinggi yang terletak di lokasi terpilih menerima sambutan baik dengan kadar jualan 100% semasa pelancaran. Promosi program MM2H yang agresif turut menyumbang kepada kadar jualan yang kukuh bagi harta tanah bernilai tinggi. Dengan prestasi ekonomi domestik yang


kukuh serta pasaran rumah sekunder yang rancak, bakal pembeli khususnya di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Selangor telah beralih daripada sikap “tunggu dan lihat” pada tahun 2009 kepada “sedia untuk membeli” dalam tempoh separuh kedua 2010.

Sejajar dengan objektif Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana, sejumlah 2,733 unit rumah Mesra Rakyat di bawah projek *Home Ownership for the People (HOPE)* telah siap dibina pada akhir Jun 2010. Tambahan pula, sehingga akhir Ogos 2010, sebanyak 4,482 unit rumah kos rendah telah dibina untuk miskin luar bandar dan miskin tegar, manakala 12,144 unit sedang dalam pembinaan.

Dari sudut penawaran, bilangan permit jualan dan pengiklanan meningkat sebanyak 15.9% manakala kelulusan membina rumah sebanyak 13.2% (Januari – Ogos 2009: -9.1%; -11.3%), menunjukkan pemaju lebih berkeyakinan terhadap pasaran perumahan. Ini terus disokong oleh hasil kaji selidik yang dijalankan oleh *Real Estate and Housing Developers' Association (REHDA)* pada Julai 2010, yang mana pemaju menjangkakan harga harta tanah meningkat sehingga 20% dalam tempoh separuh kedua 2010. Kelulusan pinjaman oleh sistem perbankan untuk sektor pembinaan turut meningkat 52.0% (Januari – Julai 2009: -34.5%) mencerminkan peningkatan aktiviti pembinaan dalam tempoh separuh kedua 2010.

Pertumbuhan **subsektor bukan kediaman** meningkat kukuh, dipacu terutamanya oleh pembinaan bangunan komersial yang sedang dijalankan khususnya pejabat binaan khas. Tambahan pula, projek swasta di lima kawasan pembangunan koridor termasuk *Johor Premium Outlet* dan *Lido Boulevard* di Iskandar Malaysia serta *Kota Kinabalu City Waterfront* dan *South China Place* di Koridor Pembangunan Sabah turut menyumbang kepada subsektor ini. Pembinaan pejabat binaan khas baru berkembang ketara kepada 334,181 meter persegi (mp) (Januari – Jun 2009: 62,493 mp), manakala kadar penghunian

CARTA 3.6

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman


Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

kekal tinggi pada 84.2% mencerminkan sentimen perniagaan yang kukuh. Dalam tempoh separuh pertama 2010, kompleks membeli belah sedang dibina meningkat kepada 1.48 juta mp (akhir Jun 2009: 1.44 juta mp). Selain itu, penyiapan 20 kompleks membeli belah baru telah menambah ruang niaga sebanyak 249,817 mp yang telah meningkatkan jumlah stok ruang niaga sedia ada kepada 10.32 juta mp pada akhir Jun 2010 (akhir Disember 2009: 10.07 juta mp). Permintaan untuk ruang niaga di kompleks membeli belah masih kukuh dengan kadar purata penghunian pada paras 81.2% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: 81.4%) mencerminkan keyakinan peruncit terhadap perbelanjaan pengguna.

Pembinaan harta tanah riadah terus meningkat seiring dengan pertumbuhan sektor pelancongan. Sehingga akhir Jun 2010, 86 hotel sedang

CARTA 3.7

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman



dibina, menawarkan 21,884 bilik (akhir Jun 2009: 82 hotel; 21,110 bilik). Unit mula dibina adalah termasuk tujuh hotel dengan jumlah 589 bilik merangkumi tiga di Perak, dua di Johor serta setiap satu di Kelantan dan Sarawak. Kadar purata penghunian hotel bertaraf tiga hingga lima bintang kekal pada 54.0% ekoran ketibaan pelancong yang berterusan.

Aktiviti transaksi harta tanah kembali rancak dalam tempoh enam bulan pertama 2010 dengan jumlah transaksi berkembang kukuh 19.0% kepada 184,675 (Januari – Jun 2009: -9.5%; 155,190 transaksi). Nilai transaksi pula melonjak 48.0% kepada RM50.6 bilion (Januari – Jun 2009: -26.5%; RM34.1 bilion) mencerminkan harga harta tanah yang semakin meningkat khususnya di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Selangor. Segmen kediaman terus mendominasi jualan harta tanah menyumbang 59.8% kepada jumlah transaksi diikuti dengan pertanian (22.1%), komersial (10.3%), pembangunan (5.3%) dan perindustrian (2.5%).

Prestasi Permintaan Dalam Negeri

Aktiviti ekonomi domestik yang rancak...

Permintaan domestik dijangka kembali pulih 6.9% (2009: -0.5%) pada tahun 2010. Pertumbuhan dijangka disokong oleh peningkatan **perbelanjaan sektor swasta** sebanyak 8.1% (2009: -2.7%) berikutan aktiviti ekonomi domestik dan permintaan serantau yang kukuh. Sementara itu, **perbelanjaan sektor awam** dijangka berkembang 3.8% (2009: 5.2%), disokong oleh pelaburan yang tinggi oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK).

Pelaburan swasta dijangka kembali cergas 15.2% (2009: -17.2%) sejajar dengan pemulihan teguh di rantau Asia dan diperkukuhkan lagi oleh keyakinan pelabur yang semakin baik. Keyakinan pelabur yang kembali pulih dicerminkan oleh *Business Conditions Index* (BCI) yang meningkat dengan

ketara kepada 119.6 mata dalam tempoh suku kedua 2010, melebihi had nilai 100 mata bagi lima suku tahun berturut-turut (S1 2009: 61.1 mata). Tambahan pula, hasil Penyiasatan Jangkaan Perniagaan yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan perbelanjaan modal sektor swasta meningkat dengan ketara sebanyak 46.6% dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: -37.3%). Sektor perkhidmatan menyumbang jumlah terbesar kepada perbelanjaan modal sebanyak 47.2% diikuti oleh sektor perlombongan dan elektrik (25.4%) serta sektor pembuatan

(21.1%). Peningkatan dalam pelaburan swasta juga dicerminkan oleh penunjuk pelaburan utama, antaranya import barangan pengantara mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 30.8% dan barangan modal sebanyak 18.5% (Januari – Julai 2009: -29.1%; -11.0%). Aktiviti perniagaan yang semakin rancak ditunjukkan oleh peningkatan 15.5% dalam jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada sektor bukan isi rumah (Januari – Julai 2009: -4.5%) dan kenaikan sebanyak 24.8% dalam jualan kenderaan komersial (Januari – Julai 2009: -4.2%).

JADUAL 3.12

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Permintaan Agregat 2009 – 2011
(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²	2009	2010 ¹	2011 ²
KDNK	-1.7	7.0	5.0 – 6.0	100.0	100.0	100.0	-1.7	7.0	5.0 – 6.0
Permintaan dalam negeri³	-0.5	6.9	5.8	89.1	89.0	89.4	-0.5	6.1	5.2
Perbelanjaan swasta	-2.7	8.1	7.0	63.6	64.2	65.2	-1.7	5.1	4.5
Penggunaan	0.7	6.7	6.3	53.5	53.4	53.8	0.4	3.6	3.4
Pelaburan	-17.2	15.2	10.2	10.1	10.8	11.3	-2.1	1.5	1.1
Perbelanjaan awam	5.2	3.8	2.8	25.6	24.8	24.2	1.2	1.0	0.7
Penggunaan	3.1	0.2	4.6	14.3	13.4	13.3	0.4	0.0	0.6
Pelaburan	8.0	8.3	0.6	11.2	11.4	10.9	0.8	0.9	0.1
Perubahan dalam stok				-2.7	1.1	1.2	-1.9	3.9	0.1
Sektor luar	5.0	-22.6	1.7	13.6	9.8	9.5	0.6	-3.1	0.2
Export ⁴	-10.4	11.6	6.7	107.4	112.0	113.3	-12.3	12.5	7.5
Import ⁴	-12.3	16.6	7.2	93.8	102.2	103.8	-12.9	15.5	7.3
KDNK (RM bilion, harga semasa)	679.7	775.0	838.3						
Perubahan (%)	-8.3	14.0	8.2						

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Tidak termasuk perubahan dalam stok.


⁴ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 3.8


Penunjuk Pelaburan Swasta



¹ Anggaran.

CARTA 3.9

Penunjuk Penggunaan Swasta



¹ Anggaran.

² Pada 30 September 2010.

Sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi domestik, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah meluluskan 545 projek pelaburan berjumlah RM16.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: 451 projek; RM18.4 bilion), melibatkan cadangan pelaburan asing sebanyak RM9.6 bilion. Ini merangkumi projek E&E berjumlah RM3.8 bilion, pembuatan makanan (RM1.8 bilion) dan produk logam asas (RM1.7 bilion). Dalam tempoh tersebut, tiga pelabur asing terbesar adalah dari Singapura sebanyak RM3.0 bilion, Jepun (RM1.3 bilion) dan AS (RM917.8 juta). Dari segi lokasi pula, Selangor menarik jumlah pelaburan yang terbesar sebanyak RM3.9 bilion, diikuti dengan Johor (RM2.7 bilion) dan Pulau Pinang (RM2.2 bilion). Pelaburan baru menyumbang sebanyak 55.7% atau RM9.2 bilion, manakala selebihnya merupakan pelaburan bagi mengembangkan dan mempelbagaikan operasi sedia ada. Berikutan persekitaran perniagaan yang semakin baik serta pertumbuhan serantau yang kukuh, sektor pembuatan dijangka menarik pelaburan sebanyak RM40 bilion pada tahun ini, melebihi sasaran Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) sebanyak RM27.5 bilion setahun.

Dari segi aliran masuk, FDI merosot kepada USD1.4 bilion pada tahun 2009 (2008: USD7.3 bilion), berikutan kejatuhan FDI global sebanyak 37.1% memandangkan pelabur lebih berwaspada semasa kemelesetan ekonomi. Kejatuhan ketara FDI juga disebabkan oleh peningkatan aliran keluar keuntungan kepada syarikat induk. Tambahan pula, memandangkan Malaysia menumpukan kepada pelaburan bersaiz besar dan berimpak tinggi, pelaburan bernilai tambah rendah dan berasaskan pemasangan mula berpindah ke negara yang mempunyai kos buruh rendah di rantau ini. Meskipun FDI merosot ketara sebanyak 81.1% pada tahun lepas, aliran masuk telah meningkat kepada USD3.3 bilion dalam tempoh separuh pertama 2010, melebihi jumlah pelaburan tahun 2009. Peningkatan ini disokong oleh tindak balas dasar yang segera bagi merencanakan aktiviti ekonomi domestik serta asas ekonomi yang kukuh.

Kerajaan terus mengambil pelbagai langkah untuk menggalakkan sektor swasta memacu pertumbuhan. Ini termasuk, menyemak semula peraturan perniagaan, menstrukturkan semula agensi kerajaan terpilih, memperkenalkan undang-undang persaingan, memperkukuhkan perkongsian awam-swasta, menswastakan syarikat milik Kerajaan, menghapuskan herotan pasaran dan meliberalisasikan sektor perkhidmatan. Tambahan pula, beberapa inisiatif yang diambil oleh Kerajaan termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Model Baru Ekonomi (NEM) yang antara lain bertujuan menarik lebih banyak pelaburan asing dan domestik serta merangsang aktiviti pelaburan swasta.

Melalui pendekatan baru ini, sektor swasta akan menerajui pertumbuhan ekonomi sementara Kerajaan menjadi fasilitator dan menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menggalakkan pelaburan swasta yang seterusnya akan mempertingkatkan daya saing negara. Berikutan daripada pelaksanaan inisiatif ini, kedudukan Malaysia dalam 2010 *World Competitiveness Yearbook* meningkat ke tangga ke-10 berbanding kedudukan ke-18 pada tahun 2009. *AT Kearney FDI Confidence Index* bagi tahun 2010 pula telah menempatkan Malaysia dalam kumpulan 20 negara terbaik destinasi pelaburan. Peningkatan ini menunjukkan persekitaran perniagaan yang lebih baik, justeru menyediakan peluang bagi menarik pelaburan asing dan domestik.

Penggunaan swasta dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 6.7% (2009: 0.7%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah. Ini berikutan harga komoditi yang teguh dan keadaan pasaran buruh yang lebih baik seiring dengan persekitaran pemulihan ekonomi yang kukuh. Kenaikan ketara harga getah pada purata RM9.79 sekilogram dan peningkatan berterusan harga kelapa sawit pada purata RM2,530 setan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 telah meningkatkan

pendapatan dan kuasa beli isi rumah luar bandar. Ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 265,000 pekebun kecil getah dan 160,000 pekebun kecil kelapa sawit. Tambahan pula, kadar inflasi yang sederhana, pinjaman yang mudah diperoleh serta pelarasan gaji kakitangan perkhidmatan awam dalam skim terpilih juga menyumbang kepada perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi. Trend ini disokong oleh penunjuk utama penggunaan yang telah mencatat pertumbuhan dua angka seperti jualan kenderaan penumpang sebanyak 16.1% dan import barangan penggunaan 14.1% (Januari – Julai 2009: -9.1%; -6.7%). Penunjuk lain seperti pengeluaran pinjaman bagi kredit penggunaan dan perbelanjaan menerusi kad kredit juga meningkat dengan ketara sebanyak 14.4% dan 13.0% (Januari – Julai 2009: 7.7%; 6.2%). Tambahan pula, *Consumer Sentiments Index* (CSI) kekal kukuh pada paras 110.4 mata (S1 2010: 114.2 mata), mencerminkan keyakinan positif pengguna.

Penggunaan awam pula dijangka meningkat perlahan sebanyak 0.2% (2009: 3.1%) pada tahun 2010 disebabkan oleh pengurangan peruntukan bagi bekalan dan perkhidmatan. Ini sejajar dengan langkah perbelanjaan berhemat Kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan bukan kritikal serta mempertingkatkan perolehan barangan dan perkhidmatan yang berbaloi (*value-for-money*). Namun demikian, perbelanjaan ke atas emolumen dijangka meningkat berikutan kenaikan gaji kakitangan sektor awam terpilih dalam skim tertentu.


Pelaburan awam dianggarkan meningkat 8.3% (2009: 8.0%) memandangkan Kerajaan telah mempercepatkan pelaksanaan projek di penghujung tempoh RMKe-9 serta membelanjakan baki RM5 bilion yang diperuntukan di bawah PRE2 yang akan disiapkan menjelang akhir tahun. Tambahan pula, Kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan di bawah NKRA bagi pelaksanaan program dan projek pembangunan sosioekonomi terutamanya bagi menambah baik pengangkutan awam, menaik taraf

infrastruktur luar bandar, membasmi kemiskinan, mengurangkan jenayah serta menyediakan perkhidmatan asas seperti pendidikan dan kesihatan.

Perbelanjaan modal oleh PABK khususnya PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TM) juga dijangka meningkat pada tahun 2010. Sebahagian besar daripada pelaburan PETRONAS akan terus memberi tumpuan kepada aktiviti penerokaan dan pengeluaran minyak. Perbelanjaan modal TNB pula sebahagian besarnya adalah untuk menambah baik penjanaan, sistem penghantaran dan pengagihan elektrik. Sementara itu, TM menumpukan pelaburan untuk memperluaskan kemudahan HSBB serta menambah baik akses telekomunikasi, jaringan utama dan sistem sokongan.

CARTA 3.10

Jurang Tabungan Pelaburan



¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Termasuk perubahan dalam stok.

JADUAL 3.13

**Jurang Tabungan Pelaburan
2007 – 2011**

(pada harga semasa)

	2007	2008	2009	2010 ¹	2011 ²
	RM juta				
Sektor awam					
Tabungan	103,841	80,879	65,161	57,328	53,425
Pembentukan modal kasar	61,816	64,834	71,670	78,998	80,810
Lebihan/Defisit	42,025	16,045	-6,509	-21,670	-27,385
Sektor swasta					
Tabungan	136,753	191,583	145,443	209,253	235,769
Pembentukan modal kasar ³	76,587	78,115	26,796	83,773	94,192
Lebihan/Defisit	60,166	113,468	118,647	125,480	141,577
Keseluruhan					
Tabungan negara kasar	240,594	272,462	210,604	266,581	289,194
(% daripada KNK)	38.3	38.0	31.7	35.6	35.7
Pembentukan modal kasar ³	138,403	142,949	98,466	162,770	175,002
(% daripada KNK)	22.0	19.9	14.8	21.7	21.6
Lebihan/Defisit	102,191	129,513	112,138	103,811	114,192
(% daripada KNK)	16.3	18.1	16.9	13.8	14.1

¹ Anggaran.² Unjuran.³ Termasuk perubahan dalam stok.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Kedudukan Sumber Negara

Lebihan tabungan-pelaburan kekal tinggi...

Tabungan Negara Kasar (TNK) dijangka kembali cergas sebanyak 26.6% pada tahun 2010 (2009: -22.7%) sejajar dengan jangkaan peningkatan pendapatan nominal negara sebanyak 12.8% (2009: -7.3%). Sehubungan itu, sumbangan TNK dijangka kekal tinggi sebanyak 35.6% kepada PNK (2009: 31.7%). Sebahagian besar TNK adalah daripada sektor swasta, menyumbang 78.5% (2009: 69.1%). Sementara itu, jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 65.3% kepada RM162.8 bilion, merangkumi 21.7% daripada PNK (2009: -31.1%; RM98.5 bilion; 14.8%). Justeru, **jurang tabungan pelaburan** pada tahun 2010 diunjur mencatat

lebih sebanyak RM103.8 bilion atau 13.8% daripada PNK (2009: RM112.1 bilion; 16.9%), membolehkan negara membiayai pelaburan terutamanya daripada sumber domestik.

Sektor Luar Negeri

Prestasi Perdagangan

Perdagangan melebihi satu trilion ringgit...

Sejajar dengan peningkatan ekonomi global dan pengukuhan perdagangan intra-Asia serta aktiviti domestik yang memberangsangkan, jumlah perdagangan dijangka berkembang 18.7% kepada RM1,173 bilion pada tahun 2010 (2009: -16.5%; RM988.2 bilion). Eksport barangan diunjur meningkat 16.5% kepada RM644.8 bilion, disokong oleh permintaan barangan pembuatan

yang kukuh dan harga komoditi yang tinggi, manakala import dijangka berkembang dengan lebih rancak sebanyak 21.6% kepada RM528.7 bilion. Seterusnya, lebih perdagangan dianggap berkurang tetapi kekal kukuh mencatat RM116.1 bilion bersamaan 15.0% daripada KDNK (2009: RM118.4 bilion; 17.4%).

Prestasi Eksport

Eksport kembali cergas...

Selaras dengan peningkatan ekonomi dunia dan prestasi perdagangan serantau yang memberangsangkan, eksport Malaysia dijangka berkembang kukuh sebanyak 16.5% (2009: -16.5%) pada tahun 2010. Eksport yang kembali cergas disokong oleh pertumbuhan kukuh eksport barangan pembuatan dan pendapatan komoditi utama yang lebih tinggi. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, eksport meningkat ketara sebanyak 24.0% kepada RM371.3 bilion (Januari – Julai 2009: -23.5%; RM299.3 bilion), didorong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi barangan pembuatan dan komoditi utama. Walau bagaimanapun, untuk baki bulan seterusnya, pendapatan eksport dijangka meningkat pada kadar yang sederhana, ekoran pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara maju.

Eksport barangan pembuatan dianggap berkembang 16.5% pada tahun 2010 (2009: -13.6%), menyumbang 77.3% kepada jumlah eksport,

JADUAL 3.14

Perdagangan Luar Negeri 2009 – 2010

	RM juta		Perubahan (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Jumlah perdagangan	988,235	1,173,470	-16.5	18.7
Eksport kasar	553,295	644,764	-16.5	16.5
<i>antaranya:</i>				
Barangan pembuatan	427,765	498,373	-13.6	16.5
Barangan pertanian	48,367	60,402	-24.8	24.9
Barangan mineral	57,602	70,515	-33.6	22.4
Import kasar	434,940	528,706	-16.3	21.6
<i>antaranya:</i>				
Barangan modal	65,767	74,019	-4.1	12.5
Barangan pengantara	297,341	370,094	-21.5	24.5
Barangan penggunaan	31,427	37,009	-2.4	17.8
Imbangan perdagangan	118,355	116,058	-17.4	-1.9

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

disebabkan oleh peningkatan permintaan, khususnya produk E&E. Pendapatan eksport daripada komoditi pertanian dijangka meningkat 24.9% kepada RM60.4 bilion (2009: -24.8%; RM48.4 bilion) berikutan volum eksport dan harga komoditi utama yang tinggi. Sementara itu, eksport produk mineral dijangka kembali cergas 22.4% kepada RM70.5 bilion (2009: -33.6%; RM57.6 bilion), disokong oleh harga eksport dan penghantaran produk petroleum mentah dan gas asli cecair (LNG) yang tinggi.

JADUAL 3.15

Eksport Kasar Januari – Julai

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2009	2010	2009	2010	2009	2010
Barangan pembuatan	230,081	283,353	-21.2	23.2	76.9	76.3
Barangan pertanian	26,637	35,680	-32.3	34.0	8.9	9.6
Barangan mineral	32,006	42,630	-35.5	33.2	10.7	11.5
Lain-lain	10,595	9,596	103.1	-9.4	3.5	2.6
Eksport kasar	299,319	371,259	-23.5	24.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Eksport Barangan Pembuatan

Eksport pembuatan kembali pulih dengan ketara...

Eksport barangan pembuatan kembali cergas 23.2% kepada RM283.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: -21.2%; RM230.1 bilion), disokong oleh permintaan yang kukuh dari negara ASEAN serta eksport ke destinasi utama, khususnya AS, China dan Jepun. Pertumbuhan adalah menyeluruh, dengan subsektor E&E menyumbang 51.6% dan bukan E&E sebanyak 48.4% kepada pendapatan eksport.

Pendapatan eksport **E&E** melonjak 22.5% (Januari – Julai 2009: -20.2%), didorong oleh prestasi yang menggalakkan dalam kelengkapan

dan alat ganti elektronik (26.2%), semikonduktor (20.2%) serta jentera dan produk elektrik (20.1%). Pertumbuhan dipacu sebahagian besar oleh permintaan produk elektronik pengguna, seperti komputer peribadi, sistem penstoran cakera, telefon selular 3G dan komputer *tablet* dari rantau Asia Pasifik, khususnya, AS, China, India dan Jepun. Paling ketara, pendapatan eksport bagi LED dan *photovoltaics* melonjak 280.3% disebabkan oleh peningkatan permintaan untuk peranti jimat tenaga di negara maju.

Eksport **bukan E&E** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 23.9% (Januari – Julai 2009: -22.1%), dengan hampir semua subsektor mencatat prestasi yang memberangsangkan. Eksport **kimia, produk kimia dan plastik** meningkat mendadak sebanyak 31.3%

JADUAL 3.16

Eksport Barangan Pembuatan Januari – Julai

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2009	2010	2009	2010	2009	2010
Elektronik, jentera dan perkakasan elektrik	119,356	146,200	-20.2	22.5	51.9	51.6
Semikonduktor	47,902	57,565	-9.5	20.2	20.8	20.3
Kelengkapan dan peralatan elektronik	46,419	58,558	-27.2	26.2	20.2	20.7
Jentera dan produk elektrik	25,035	30,076	-24.0	20.1	10.9	10.6
Bukan elektrik dan elektronik:	110,725	137,153	-22.1	23.9	48.1	48.4
Kimia, produk kimia dan plastik	20,643	27,110	-26.2	31.3	9.0	9.6
Produk petroleum	12,589	16,830	-44.1	33.7	5.5	5.9
Produk besi, keluli dan logam	13,270	15,457	-24.3	16.5	5.8	5.5
Jentera dan kelengkapan	10,778	12,784	-19.6	18.6	4.7	4.5
Produk kayu	7,035	8,032	-18.0	14.2	3.1	2.8
Tekstil, pakaian dan kasut	5,417	5,446	-14.2	0.5	2.4	1.9
Makanan, minuman dan tembakau	9,437	10,129	-11.3	7.3	4.1	3.6
Produk getah	6,943	9,233	-6.1	33.0	3.0	3.3
Kelengkapan pengangkutan	5,597	6,295	-0.1	12.5	2.4	2.2
Produk galian bukan logam	3,047	2,809	5.2	-7.8	1.3	1.0
Barangan pembuatan lain	15,969	23,029	-17.6	44.2	6.9	8.1
Jumlah	230,081	283,353	-21.2	23.2	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

(Januari – Julai 2009: -26.2%) didahului oleh bahan kimia organik yang meningkat ketara sebanyak 43.2% dan bukan organik sebanyak 23.9%. Eksport produk perubatan dan farmaseutikal meningkat dengan ketara sebanyak 71.8%, selaras dengan peningkatan kesedaran mengenai kesihatan di seluruh dunia dan peningkatan penggunaan per kapita produk kesihatan. Eksport produk plastik juga melonjak 36.3%, didorong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk bahan pembungkusan dan komponen subsektor E&E serta industri automotif dan telekomunikasi.

Pendapatan eksport **produk petroleum** berkembang kukuh sebanyak 33.7% (Januari – Julai 2009: -44.1%) berikutan permintaan luar yang lebih tinggi, khususnya dari China, India, Jepun dan Republik Korea untuk menyokong sektor perindustrian, pengangkutan dan petrokimia di negara tersebut. Prestasi kukuh turut dicatat bagi produk petroleum bertapis dan sisa produk


petroleum dengan peningkatan sebanyak 32.9% dan 84.3%. Sementara itu, pendapatan eksport gas petroleum dan gas hidrokarbon lain meningkat 27.3%, sementara propana dan butana cecair sebanyak 22.0%.

Pendapatan untuk **produk besi, keluli dan logam** kembali cergas 16.5% (Januari – Julai 2009: -24.3%), dengan Singapura, Thailand dan Vietnam merupakan pasaran eksport utama. Perkembangan positif ini adalah selaras dengan peningkatan aktiviti berkaitan pembinaan di negara tersebut. Sehubungan itu, eksport logam ditempa meningkat 18.0% (Januari – Julai 2009: -27.4%).

Pendapatan eksport bagi **produk getah** meningkat kukuh sebanyak 33.0% (Januari – Julai 2009: -6.1%), dipacu oleh permintaan untuk sarung tangan getah yang berkembang 29.4%. Ini disebabkan oleh peningkatan kesedaran mengenai


CARTA 3.11

Eksport Semikonduktor Malaysia, Jualan Semikonduktor Sedunia dan Nisbah Book-to-Bill



CARTA 3.12

Prestasi Eksport Pembuatan Terpilih (% perubahan tahunan)



kebersihan dan penjagaan kesihatan serta prosedur berkaitan kesihatan yang lebih ketat di negara membangun berkembang pesat. Pendapatan eksport tayar getah juga meningkat 26.1%, disebabkan sebahagian besar oleh pertambahan permintaan dari industri automotif di rantau ini, khususnya China dan India.

Eksport **makanan, minuman dan tembakau** meningkat 7.3% (Januari – Julai 2009: -11.3%), terutamanya ke AS, Indonesia, Singapura dan Thailand. Pendapatan eksport produk makanan meningkat 7.2%, sementara minuman 13.1%, berikutan usaha berterusan oleh pengilang dalam memenuhi peningkatan permintaan untuk produk yang berkualiti dari pasaran global. Sementara itu, eksport tembakau meningkat perlahan sebanyak 0.1%.

Eksport **M&E** bertambah baik dengan pertumbuhan 18.6% (Januari – Julai 2009: -19.6%), disokong oleh permintaan yang kukuh untuk jentera khusus bagi perusahaan tertentu (34.6%) serta jentera dan kelengkapan penjana kuasa (22.3%). Eksport **kelengkapan pengangkutan** meningkat 12.5% (Januari – Julai 2009: -0.1%) berikutan penghantaran yang tinggi ke Sri Lanka dan UK, khususnya kenderaan jalan raya (39.6%). Tambahan pula, eksport kenderaan bermotor secara *completely knocked down* (CKD) ke China turut meningkatkan eksport kenderaan jalan raya. Eksport kelengkapan pengangkutan lain merosot 5.9%.

Eksport **produk kayu** kembali cergas 14.2% (Januari – Julai 2009: -18.0%), didorong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi venir dan papan lapis (19.7%), khususnya dari Jepun. Selain itu, permintaan yang semakin meningkat bagi produk kayu getah dari AS, Australia, Eropah, Jepun dan Timur Tengah berikutan harga perabut kayu yang kompetitif turut menyumbang kepada pencapaian yang memberangsangkan dalam subsektor ini. Sementara itu, eksport **tekstil, pakaian dan kasut** meningkat perlahan sebanyak 0.5% (Januari – Julai 2009: -14.2%), disebabkan oleh persaingan sengit daripada pengeluar kos rendah di rantau ini, terutamanya China dan Thailand. Pendapatan eksport **produk galian bukan logam** menguncup

7.8% (Januari – Julai 2009: 5.2%) berikutan permintaan yang lebih rendah dari Indonesia, Jepun dan Republik Korea.

Eksport Komoditi Utama

Harga kukuh menyokong eksport...

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, hasil eksport komoditi utama yang merangkumi produk pertanian dan mineral kembali cergas 33.5% kepada RM78.3 bilion (Januari – Julai 2009: -34.1%; RM58.6 bilion). Ini berikutan peningkatan volum dan harga eksport komoditi utama yang lebih tinggi, terutamanya bagi petroleum mentah, LNG, minyak sawit dan getah. Berikutan permintaan dan harga komoditi utama dijangka stabil sepanjang tahun, hasil eksport dijangka meningkat dengan pesat sebanyak 23.5% kepada RM130.9 bilion pada tahun 2010 (2009: -29.9%; RM106.0 bilion).

Hasil eksport **komoditi pertanian** kembali pulih dengan ketara sebanyak 34.0% kepada RM35.7 bilion (Januari – Julai 2009: -32.3%; RM26.6 bilion) berikutan peningkatan eksport minyak sawit dan getah. Pada masa yang sama, pendapatan komoditi perlombongan kembali cergas 33.2% kepada RM42.6 bilion (Januari – Julai 2009: -35.5%; RM32.0 bilion), disokong oleh permintaan yang lebih kukuh dan harga yang lebih teguh bagi minyak mentah dan gas asli.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, eksport **minyak sawit** meningkat 25.9% kepada RM25.9 bilion (Januari – Julai 2009: -28.7%; RM20.6 bilion). Volum eksport meningkat 8.7% kepada 10.1 juta tan metrik (Januari – Julai 2009: 10.6%; 9.3 juta tan metrik) berikutan permintaan yang lebih tinggi daripada pasaran utama, khususnya Pakistan, EU dan AS. China kekal sebagai pengimport tertinggi bagi sembilan tahun berturut-turut dengan penghantaran sebanyak 2.3 juta tan metrik atau 21.3% daripada jumlah eksport minyak sawit. Keempat-empat pasaran ini mencakupi 5.3 juta tan metrik atau 48.9% daripada jumlah eksport minyak sawit. Permintaan minyak sawit ke Pakistan berkembang 10.9% kepada

JADUAL 3.17

Eksport Komoditi Utama Januari – Julai

			Perubahan (%)	
	2009	2010	2009	2010
Pertanian				
Minyak sawit¹				
Kuantiti ('000 tan metrik)	9,292	10,099	10.6	8.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,215	2,565	-35.5	15.8
Nilai (RM juta)	20,581	25,903	-28.7	25.9
Minyak isirung kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	607	567	11.0	-6.5
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,471	3,339	-42.3	35.1
Nilai (RM juta)	1,500	1,895	-36.0	26.4
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	2,222	2,722	-13.1	22.5
Nilai seunit (RM/meter padu)	496	472	2.3	-4.7
Nilai (RM juta)	1,101	1,286	-11.1	16.7
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	939	1,198	-27.6	27.6
Nilai seunit (RM/meter padu)	1,281	1,115	-0.3	-12.9
Nilai (RM juta)	1,203	1,336	-27.8	11.0
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	370	506	-37.1	36.8
Nilai seunit (sen/kilogram)	572	981	-34.1	71.5
Nilai (RM juta)	2,114	4,962	-58.5	134.7
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	7	7	-2.2	5.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	11,458	13,632	-12.5	19.0
Nilai (RM juta)	81	101	-14.4	25.1
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	7	17	47.1	154.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	8,500	11,700	4.9	37.6
Nilai (RM juta)	57	198	55.9	249.1
Jumlah pertanian (RM juta)	26,637	35,680	-32.3	34.0
Perlombongan				
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	9,544	10,264	-6.6	7.5
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,289	1,882	-51.9	46.0
Nilai (RM juta)	12,304	19,320	-55.1	57.0
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	13,238	13,455	-5.9	1.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,443	1,646	-4.1	14.1
Nilai (RM juta)	19,100	22,145	-9.7	15.9
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	14,167	20,658	-15.4	45.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	42,433	56,422	-33.7	33.0
Nilai (RM juta)	601	1,166	-43.9	93.9
Jumlah perlombongan (RM juta)	32,005	42,630	-35.5	33.2
Jumlah eksport (RM juta)	58,642	78,311	-34.1	33.5


¹ Termasuk minyak sawit mentah, minyak sawit yang diproses dan stearin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.13

Eksport Komoditi Utama



1.2 juta tan metrik, dirangsang oleh *Margin of Preference* sebanyak 10% di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-Pakistan. Eksport minyak sawit ke pasaran EU juga meningkat 12.6%, sebahagiannya berikutan pengurangan pengeluaran minyak biji sesawi manakala eksport ke AS didorong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk minyak sawit dalam industri makanan. Harga eksport minyak sawit meningkat kepada RM2,565 setan metrik (Januari – Julai 2009: RM2,215 setan metrik) berikutan harga minyak mentah yang tinggi dan kekangan penawaran minyak sayuran dunia. Walau bagaimanapun, harga minyak sawit kekal kompetitif berbanding dengan minyak sayuran lain. Pada akhir Ogos 2010, harga CPO berada pada USD905 setan metrik, lebih rendah berbanding minyak kacang soya sebanyak USD97 setan metrik dan minyak biji sesawi sebanyak USD108 setan metrik. Eksport minyak sawit dianggarkan meningkat 17.2% kepada RM43.1 bilion pada tahun 2010 (2009: -21.8%; RM36.8 bilion), dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi dan harga yang kukuh.

Volum eksport **getah** meningkat ketara sebanyak 36.8% kepada 506,066 tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: -37.1%; 369,815 tan metrik) berikutan permintaan yang lebih tinggi daripada industri automotif global terutamanya, di China, Jerman dan Republik Korea. Sehubungan itu, harga eksport getah meningkat kepada RM9.81 sekilogram (Januari – Julai 2009: RM5.72 sekilogram). Harga yang teguh dan volum yang lebih tinggi telah meningkatkan hasil eksport sebanyak 134.7% kepada RM5.0 bilion (Januari – Julai 2009: -58.5%; RM2.1 bilion).

Hasil eksport yang lebih tinggi dicatat bagi **petroleum mentah** dengan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 57.0% kepada RM19.3 bilion (Januari – Julai 2009: -55.1%; RM12.3 bilion), disokong oleh volum dan harga eksport yang lebih tinggi. Sejajar dengan permintaan tinggi dari negara pengimport utama seperti India, Thailand, Australia, Republik Korea dan Indonesia, volum eksport berkembang 7.5% kepada 10.3 juta tan metrik (Januari – Julai 2009: -6.6%; 9.5 juta tan metrik), manakala

harga eksport meningkat kepada RM1,882 setan metrik (Januari – Julai 2009: RM1,289 setan metrik).

Hasil eksport bagi **LNG** meningkat 15.9% kepada RM22.1 bilion (Januari – Julai 2009: -9.7%; RM19.1 bilion), ekoran harga eksport yang lebih tinggi sebanyak RM1,646 setan metrik dan volum sebanyak 13.5 juta tan metrik (Januari – Julai 2009: RM1,443 setan metrik; 13.2 juta tan metrik). Eksport LNG, terutamanya ke Jepun, Republik Korea, Taiwan dan China menyumbang 99% kepada keseluruhan eksport LNG.

Prestasi Import

Import kembali meningkat ketara...

Nilai import kasar dijangka kembali cergas 21.6% pada tahun 2010 (2009: -16.3%) berikutan pemulihan ekonomi yang tinggi dan pengukuhan nilai ringgit serta peningkatan kuasa beli. Import barangan pengantara dianggarkan meningkat 24.5% (2009: -21.5%) sementara import barangan modal dijangka menokok 12.5% (2009: -4.1%), disokong oleh peningkatan aktiviti pembuatan dan pengembangan kapasiti. Barangan penggunaan dijangka meningkat 17.8% pada tahun 2010 (2009: -2.4%), terutamanya oleh import barang pengguna dan peralatan pengangkutan yang tinggi. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010, import kasar mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 30.0% kepada RM301.9 bilion (Januari – Julai 2009: -24.4%; RM232.2 bilion), mencerminkan volum dan harga yang tinggi.

Import **barangan pengantara** meningkat ketara sebanyak 30.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: -29.1%). Peningkatan ini disumbang terutamanya oleh import bagi input industri elektronik, khususnya litar bersepadu elektronik dan alat ganti yang meningkat 43.8%. Import bagi input barangan pengantara untuk pengeluaran sel *photovoltaics* dan LED juga melonjak 65.3%. Pada masa yang sama, bahan makanan dan minuman utama diproses berkembang 22.3%, berikutan penggunaan domestik yang kukuh.

Selaras dengan pemulihan kukuh aktiviti ekonomi dan permintaan pelaburan modal yang lebih tinggi, import **barangan modal** melonjak 18.5% (Januari – Julai 2009: -11.0%). Import barangan modal bagi LED dan skrin paparan cecair meningkat 28.3%, manakala pembuatan alat ganti dan komputer sebanyak 26.5%, mencerminkan pelaburan yang kukuh dalam industri E&E. Selain itu, pelaksanaan perkhidmatan baru

dan penambahbaikan rangkaian mudah alih oleh pengendali telekomunikasi menyebabkan import bagi peralatan dan alat ganti selular dan rangkaian tanpa wayar meningkat 80.6%. Sementara itu, import pesawat udara meningkat 161.5%, mencerminkan pengembangan industri penerbangan tempatan dalam menyediakan perkhidmatan ke pasaran baru berikutan perluasan rangkaian.

JADUAL 3.18

**Import Barangan Mengikut Penggunaan Akhir
Januari – Julai**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2009	2010	2009	2010	2009	2010
Barangan modal	35,725	42,344	-11.0	18.5	15.4	14.0
Barangan modal (kecuali peralatan pengangkutan)	30,444	37,392	-14.0	22.8	13.1	12.4
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	5,281	4,952	11.5	-6.2	2.3	1.6
Barangan pengantara	158,402	207,140	-29.1	30.8	68.2	68.6
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	7,730	9,452	-24.1	22.3	3.3	3.1
Bekalan perindustrian utama dan diproses	57,336	77,228	-28.0	34.7	24.7	25.6
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	14,587	21,409	-46.8	46.8	6.3	7.1
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	7,553	7,384	-3.8	-2.2	3.3	2.4
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	29,928	32,529	-22.1	8.7	12.9	10.8
Injap dan tiub termionik	41,268	59,138	-31.0	43.3	17.8	19.6
Barangan penggunaan	17,587	20,062	-6.7	14.1	7.6	6.6
Makanan dan minuman utama dan diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	7,652	8,666	1.1	13.3	3.3	2.9
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	260	348	-6.1	33.8	0.1	0.1
Barangan pengguna lain	9,676	11,048	-12.1	14.2	4.2	3.7
Barang tahan lama	1,989	2,528	-22.1	27.1	0.9	0.8
Barang separa tahan lama	2,692	3,224	-20.8	19.8	1.2	1.1
Barang tidak tahan lama	4,995	5,297	-1.3	6.0	2.2	1.8
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	6,889	11,332	-43.7	64.5	3.0	3.8
Import untuk eksport semula	13,636	21,013	8.3	54.1	5.9	7.0
Jumlah	232,239	301,890	-24.4	30.0	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Import **barangan penggunaan** meningkat 14.1% (Januari – Julai 2009: -6.7%) dengan semua subkategori mencatat pertumbuhan positif. Peningkatan ini turut disumbang oleh perbelanjaan penggunaan swasta yang lebih tinggi, berikutan pemulihan keyakinan pengguna, prospek pekerjaan yang lebih baik serta peningkatan pendapatan boleh guna. Peningkatan perbelanjaan swasta dicerminkan oleh import makanan dan minuman yang menokok lebih tinggi sebanyak 13.3%, serta barangan penggunaan lain sebanyak 14.2% (Januari – Julai 2009: 1.1%; -12.1%).

Import **barangan lain** (termasuk barangan dwiguna) mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 64.5% (Januari – Julai 2009: -43.7%), disumbang terutamanya oleh permintaan tinggi untuk bahan api, minyak pelincir diproses dan minyak kenderaan (96.4%) serta alat kelengkapan pengangkutan dan kenderaan penumpang (70.3%). **Barangan import untuk eksport semula** melonjak 54.1% (Januari – Julai 2009: 8.3%), menyumbang 7.0% kepada jumlah import.


Haluan Perdagangan

Pasaran yang pelbagai...

Jumlah perdagangan Malaysia kembali cergas 26.6% kepada RM673.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010 (Januari – Julai 2009: -23.9%; RM531.6 bilion). Eksport menyumbang 55.2% kepada jumlah perdagangan dan seterusnya mencatat lebih perdagangan sebanyak RM69.4 bilion (Januari – Julai 2009: RM67.1 bilion). China, Singapura, Jepun, AS dan Thailand kekal sebagai rakan perdagangan utama, mencakupi 52.4% daripada jumlah perdagangan. Perdagangan dengan ASEAN (tidak termasuk Singapura) terus berkembang kukuh sebanyak 32.9%, menyumbang 13.8% kepada jumlah perdagangan. Sementara itu, perdagangan dengan EU meningkat 20.6% kepada RM70.7 bilion (Januari – Julai 2009: -25.9%; RM58.6 bilion) walaupun berhadapan krisis hutang negara. Sejajar dengan peningkatan kepelbagaian perdagangan intra-serantau, eksport ke negara maju semakin berkurang.

CARTA 3.14

Haluan Perdagangan Luar Negeri Januari – Julai 2010 (% bahagian)



¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.19

Haluan Perdagangan Luar Negeri Januari – Julai

	RM juta				Imbangan perdagangan				Perubahan (%)				Bahagian (%)			
	Eksport		Import		perdagangan				Eksport		Import		Eksport		Import	
	2009	2010	2009	2010	2009	2010	2009	2010	2009	2010	2009	2010	2009	2010	2009	2010
China	33,584	47,008	32,171	38,665	1,413	8,343	-11.4	40.0	-16.5	20.2	11.2	12.7	13.9	12.8		
Singapura	41,468	48,816	24,587	34,727	16,881	14,089	-28.2	17.7	-32.0	41.2	13.9	13.1	10.6	11.5		
Jepun	29,970	37,028	28,929	37,880	1,041	-852	-23.6	23.6	-25.0	30.9	10.0	10.0	12.5	12.5		
Amerika Syarikat	33,845	36,222	26,938	32,388	6,907	3,834	-32.5	7.0	-16.3	20.2	11.3	9.8	11.6	10.7		
Timur Laut Asia (tidak termasuk China & Jepun)	35,083	45,184	25,779	37,528	9,304	7,656	-19.6	28.8	-33.0	45.6	11.7	12.2	11.1	12.4		
Hong Kong SAR	15,244	19,027	5,839	7,470	9,405	11,557	-10.6	24.8	-29.5	27.9	5.1	5.1	2.5	2.5		
Republik Korea	12,158	14,570	10,527	16,390	1,631	-1,820	-25.8	19.8	-27.5	55.7	4.1	3.9	4.5	5.4		
Taiwan	7,603	11,512	9,398	13,650	-1,795	-2,138	-24.8	51.4	-39.8	45.2	2.5	3.1	4.0	4.5		
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	35,561	46,159	34,461	46,873	1,100	-714	-19.0	29.8	-21.9	36.0	11.9	12.4	14.8	15.5		
Thailand	16,010	21,068	13,862	19,100	2,148	1,968	-18.0	31.6	-19.5	37.8	5.3	5.7	6.0	6.3		
Indonesia	9,652	10,987	12,296	16,875	-2,644	-5,888	-19.1	13.8	-10.5	37.2	3.2	3.0	5.3	5.6		
Filipina	3,644	5,663	2,021	5,909	1,623	-246	-35.2	55.4	-59.6	192.4	1.2	1.5	0.9	2.0		
Kesatuan Eropah (27)	31,931	39,826	26,682	30,832	5,248	8,994	-26.6	24.7	-25.0	15.6	10.7	10.7	11.5	10.2		
Jerman	7,399	9,530	10,069	11,966	-2,670	-2,436	-16.0	28.8	-21.8	18.8	2.5	2.6	4.3	4.0		
Netherlands	9,645	12,462	1,655	1,878	7,990	10,584	-26.4	29.2	-30.7	13.5	3.2	3.4	0.7	0.6		
United Kingdom	4,105	4,277	3,465	3,566	640	711	-29.6	4.2	-22.6	2.9	1.4	1.2	1.5	1.2		
Asia Selatan	15,267	19,287	4,988	5,019	10,279	14,268	-22.9	26.3	-26.2	0.6	5.1	5.2	2.1	1.7		
India	9,806	11,757	4,617	4,453	5,188	7,304	-29.2	19.9	-26.9	-3.6	3.3	3.2	2.0	1.5		
Pakistan	3,321	4,044	243	374	3,078	3,670	-5.4	21.8	-3.9	53.7	1.1	1.1	0.1	0.1		
Asia Barat	12,029	12,966	8,376	9,483	3,653	3,483	-18.1	7.8	-38.6	13.2	4.0	3.5	3.6	3.1		
Emiriyah Arab Bersatu	5,843	7,102	3,482	4,088	2,361	3,014	-12.4	21.5	-23.9	17.4	2.0	1.9	1.5	1.4		
Saudi Arabia	1,631	1,720	2,488	2,792	-857	-1,072	-14.4	5.4	-42.4	12.2	0.5	0.5	1.1	0.9		
Iran	1,187	1,442	563	614	624	828	-9.3	21.4	-59.6	9.1	0.3	0.4	0.2	0.2		
Australia	11,066	14,508	5,374	5,399	5,691	9,108	-26.3	31.1	-16.1	0.5	3.7	3.9	2.3	1.8		
New Zealand	992	1,779	959	1,236	34	542	-58.7	79.3	-44.5	29.0	0.3	0.5	0.4	0.4		
Afrika	6,909	8,922	2,502	5,816	4,407	3,106	-6.8	29.1	-26.2	132.5	2.3	2.4	1.1	1.9		
Negara-negara lain	11,614	13,554	10,493	16,043	1,121	-2,489	-25.6	16.7	-9.7	52.9	3.9	3.7	4.5	5.3		
Jumlah	299,319	371,259	232,239	301,890	67,080	69,369	-23.5	24.0	-24.4	30.0	100.0	100.0	100.0	100.0		

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Eksport ke AS dan EU, masing-masing telah mengalami trend penurunan dengan agihan eksport yang merosot daripada 18.6% dan 14.7% pada tahun 1997 kepada 10.9% dan 10.8% pada tahun 2009. Sebaliknya, sumbangan eksport ke China meningkat sebanyak 12.2% (RM67.2 bilion) pada tahun 2009 (1997: 2.4%; RM5.3 bilion).

China muncul sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia dengan mencatat 12.7% daripada jumlah perdagangan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010. Jumlah perdagangan dengan China meningkat ketara sebanyak 30.3% kepada RM85.7 bilion (Januari – Julai 2009: -14.0%; RM65.8 bilion), disebabkan sebahagiannya oleh peningkatan rantaian bekalan bersepadu antara kedua-dua negara. Eksport ke China kembali cergas 40.0% (Januari – Julai 2009: -11.4%), menyumbang 12.7% kepada jumlah eksport Malaysia. Eksport utama termasuk litar bersepadu elektronik, minyak sawit serta alat ganti dan aksesori bagi mesin. Import dari China melonjak 20.2% (Januari – Julai 2009: -16.5%), disumbang terutamanya oleh alat ganti dan aksesori bagi mesin, mesin memproses data serta alat terima siaran televisyen. Dengan eksport mengatasi import, perdagangan dengan China terus mencatat lebih banyak RM8.3 bilion (Januari – Julai 2009: RM1.4 bilion).

Singapura merupakan rakan dagangan kedua terbesar Malaysia, mencakupi 12.4% daripada jumlah perdagangan dan mencatat lebih banyak perdagangan sebanyak RM14.1 bilion (Januari – Julai 2009: RM16.9 bilion). Perdagangan kembali cergas 26.5% kepada RM83.5 bilion (Januari – Julai 2009: -29.7%; RM66.1 bilion). Eksport ke Singapura meningkat 17.7%, sementara import mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 41.2% (Januari – Julai 2009: -28.2%; -32.0%). Barangan eksport utama ke Singapura terdiri terutamanya daripada minyak petroleum, serta alat ganti dan aksesori bagi mesin, manakala barangan import utama termasuk minyak motor dan alat ganti litar bersepadu elektronik.

Perdagangan Malaysia dengan **AS** berkembang 12.9% (Januari – Julai 2009: -26.2%), mencakupi

10.2% daripada jumlah dagangan. Eksport kembali cergas 7.0% (Januari – Julai 2009: -32.5%), menyumbang 9.8% kepada jumlah pendapatan eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama 2010. Ini termasuk terutamanya produk E&E yang menyumbang 59.1%, produk getah (5.6%), minyak sawit (5.5%), peralatan saintifik dan optik (5.3%) serta produk kayu (4.4%). Pada masa yang sama, import dari AS melonjak 20.2% (Januari – Julai 2009: -16.3%) dan menyumbang 10.7%, dengan produk E&E merangkumi 52.2%, jentera, perkakasan dan alat ganti (11.1%) serta kimia dan produk kimia (8.8%). Justeru, lebih perdagangan mengecil kepada RM3.8 bilion (Januari – Julai 2009: RM6.9 bilion).

Jumlah perdagangan dengan **Jepun** yang menyumbang 11.1% kepada jumlah perdagangan meningkat 27.2% kepada RM74.9 bilion (Januari – Julai 2009: -24.3%; RM58.9 bilion). Ini berikutan pertumbuhan kukuh import sebanyak 30.9% (Januari – Julai 2009: -25.0%) yang seterusnya mencatat defisit perdagangan sebanyak RM0.9 bilion (Januari – Julai 2009: lebih perdagangan RM1.0 bilion). Barangan pembuatan seperti alat ganti litar bersepadu elektronik, logam serta peralatan elektrik kekal sebagai barangan import utama dari Jepun. Pendapatan eksport dari Jepun melonjak 23.6% (Januari – Julai 2009: -23.6%) berikutan peningkatan eksport barangan utama yang meliputi LNG, televisyen dan papan lapis.

Jumlah perdagangan dengan **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) berkembang kukuh sebanyak 32.9% (Januari – Julai 2009: -20.5%), merangkumi 13.8% daripada jumlah perdagangan. Eksport meningkat tinggi sebanyak 29.8%, manakala import melonjak 36.0% (Januari – Julai 2009: -19.0%; -21.9%) dan seterusnya mencatat defisit perdagangan sebanyak RM0.7 bilion (Januari – Julai 2009: lebih perdagangan RM1.1 bilion). Perdagangan dengan Thailand dan Indonesia masing-masing merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 34.5% dan 26.9%. Eksport ke Thailand disokong oleh permintaan bagi produk E&E dan petroleum mentah, sementara eksport ke Indonesia didorong oleh permintaan kimia dan produk kimia

serta produk E&E. Sementara itu, barangan import utama daripada Thailand termasuk produk E&E dan peralatan pengangkutan manakala import daripada Indonesia adalah terutamanya minyak sawit dan produk perkilangan logam.

Jumlah perdagangan dengan **EU** meningkat 20.6% kepada RM70.7 bilion (Januari – Julai 2009: -25.9%; RM58.6 bilion). Eksport melonjak 24.7% manakala import meningkat 15.6% (Januari – Julai 2009: -26.6%; -25.0%) dan seterusnya meningkatkan lebih perdagangan kepada RM9.0 bilion (Januari – Julai 2009: RM5.2 bilion). Di kalangan EU, Jerman merupakan rakan dagangan utama, menyumbang 30.4% kepada jumlah dagangan ke EU, diikuti oleh Netherlands (20.3%) dan UK (11.1%). Sementara itu, eksport ke Netherlands yang merupakan pasaran eksport terbesar Malaysia di EU meningkat 29.2%.

Imbangan Pembayaran

Lebih berterusan...

Selaras dengan pemulihan kukuh ekonomi global, kedudukan keseluruhan **imbangan pembayaran** (BOP) Malaysia dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh lebih akaun semasa yang kukuh dan aliran keluar bersih akaun kewangan yang bertambah baik. Lebih **akaun semasa** dijangka berkurangan kepada RM103.8 bilion atau 13.8% daripada PNK pada tahun 2010 (2009: RM112.1 bilion; 16.9%), berikutan peningkatan import barangan yang lebih rancak serta aliran keluar bersih akaun pendapatan yang lebih besar.

Bagi keseluruhan tahun 2010, **akaun barangan** dijangka mencatat lebih berjumlah RM145.9 bilion (2009: RM141.7 bilion), selaras dengan perkembangan pesat perdagangan global.

JADUAL 3.20

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran 2010 – 2011 (RM juta)

	2010 ²			2011 ³		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Imbangan barangan dan perkhidmatan	754,973	608,625	146,348	823,627	663,494	160,133
Barangan	646,053	500,156	145,897	707,428	547,825	159,603
Perkhidmatan	108,920	108,469	451	116,199	115,669	529
Pengangkutan	17,731	39,494	-21,763	19,415	41,896	-22,480
Perjalanan	59,879	27,125	32,754	62,872	28,503	34,369
Perkhidmatan lain	31,000	41,075	-10,075	33,533	44,432	-10,899
Urusniaga kerajaan t.d.t.l. ¹	310	775	-465	377	838	-461
Pendapatan	41,993	67,114	-25,121	45,425	72,599	-27,174
Pampasan pekerja	4,499	6,749	-2,250	4,867	7,300	-2,433
Pendapatan pelaburan	37,494	60,365	-22,871	40,558	65,298	-24,740
Pindahan semasa	4,499	21,915	-17,416	4,867	23,634	-18,767
Imbangan akaun semasa	801,465	697,654	103,811	873,919	759,727	114,192
<i>% daripada PNK</i>			<i>13.8</i>			<i>14.1</i>

¹ Tidak dicatat di tempat lain.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Terimaan kasar dianggar meningkat 16.6% kepada RM646.1 bilion (2009: -16.6%; RM554.1 bilion), disokong oleh eksport yang lebih kukuh, khususnya ke rantau ASEAN serta harga komoditi yang lebih tinggi. Pembayaran kasar dijangka meningkat 21.3% kepada RM500.2 bilion (2009: -16.5%; RM412.3 bilion) berikutan import barangan pengantara dan barangan modal yang lebih tinggi yang menyumbang 84.0% kepada jumlah import.

Pada tahun 2010, **akaun perkhidmatan** dijangka mencatat lebihan yang kecil berjumlah RM0.5 bilion (2009: RM4.7 bilion) berikutan pembayaran kasar yang lebih tinggi dalam akaun pengangkutan. Pendapatan perjalanan dengan sumbangan sebanyak 55.0% kekal sebagai penyumbang terbesar kepada terimaan dalam akaun perkhidmatan. Pendapatan perjalanan dianggar meningkat 7.7% kepada RM59.9 bilion (2009: 9.1%; RM55.6 bilion) berikutan bilangan ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Promosi yang lebih baik bagi produk pelancongan seperti program *homestay*, eko-pelancongan dan MICE dijangka menarik 24.0 juta pelancong pada tahun 2010. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau, jumlah pelajar asing dijangka mencapai sasaran 80,000 pelajar pada tahun 2010, terutamanya dari China, Indonesia dan Timur Tengah. Selain itu, pesakit asing yang mendapatkan rawatan di Malaysia juga dijangka bertambah, khususnya dari Indonesia dan negara lain di rantau ASEAN. Dari segi pembayaran, aliran keluar akaun perjalanan dijangka meningkat 18.5% kepada RM27.1 bilion (2009: 2.0%; RM22.9 bilion), disumbang terutamanya oleh perjalanan rakyat Malaysia ke luar negeri atas urusan perniagaan, melancong dan pendidikan. Trend ini mencerminkan perkembangan aktiviti perniagaan serta peningkatan pendapatan boleh guna. Di samping itu, jumlah rakyat Malaysia yang mengerjakan haji pada tahun 2010 juga dijangka meningkat 3.2% kepada 36,060 orang (2009: -1.3%; 34,941 orang). Justeru, aliran masuk bersih *akaun perjalanan* diunjur kekal kukuh sebanyak RM32.8 bilion (2009: RM32.7 bilion).

Pertumbuhan cergas dalam perdagangan dijangka mencatat defisit *akaun pengangkutan* yang lebih tinggi kepada RM21.8 bilion pada tahun 2010 (2009: -RM17.0 bilion). Aliran keluar kasar akaun pengangkutan dianggar meningkat 21.3% kepada RM39.5 bilion (2009: -14.1%; RM32.6 bilion), oleh kerana masih terus bergantung kepada syarikat perkapalan asing serta peningkatan kos pengangkutan, meliputi bahan api dan bayaran tambang yang lebih tinggi. Penerimaan kasar dijangka meningkat 14.3% kepada RM17.7 bilion (2009: -31.0%; RM15.5 bilion), disokong oleh peningkatan pendapatan perjalanan udara, berikutan pengembangan rangkaian serantau dan tambang yang lebih kompetitif. Selain daripada syarikat penerbangan domestik, pengurusan kargo dan penyediaan perkhidmatan sewaan oleh syarikat perkapalan tempatan akan menjadi penyumbang utama pendapatan akaun pengangkutan.

Sejajar dengan pemulihan ekonomi global, *akaun perkhidmatan lain* dijangka mencatat aliran keluar bersih berjumlah RM10.1 bilion (2009: -RM10.4 bilion) berikutan bayaran royalti, fi lesen serta bayaran perkhidmatan pemasangan dan pembinaan yang lebih tinggi. Bayaran insurans dan perkhidmatan kewangan dijangka meningkat disebabkan pertambahan transaksi perdagangan luar berikutan permintaan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan sokongan asing. Komponen lain dalam akaun perkhidmatan iaitu *transaksi Kerajaan* yang merangkumi transaksi perbelanjaan oleh perwakilan diplomat dan tentera Malaysia di luar negeri serta perwakilan dan tentera kerajaan asing di Malaysia, dianggar mencatat defisit sebanyak RM0.5 bilion (2009: -RM0.6 bilion).

Pada tahun 2010, **akaun pendapatan** dijangka mengalami defisit yang lebih tinggi sebanyak RM25.1 bilion (2009: -RM14.6 bilion). Defisit yang lebih besar ini disebabkan terutamanya penghantaran balik keuntungan dan dividen lebih tinggi yang terakru oleh pelabur asing, mencerminkan peningkatan pendapatan pelaburan oleh syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di Malaysia, khususnya dalam sektor E&E. Pembayaran kasar ke atas *pendapatan pelaburan* dianggar meningkat 24.4% kepada RM60.4 bilion (2009: -17.1%; RM48.5 bilion), merangkumi

89.9% daripada jumlah aliran keluar dalam akaun pendapatan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar pendapatan dijangka dikekalkan di Malaysia untuk tujuan pelaburan semula dan pengembangan kapasiti. Sementara itu, penerimaan kasar ke atas pendapatan pelaburan dijangka berkembang 6.0% kepada RM37.5 bilion (2009: -0.4%; RM35.4 bilion), disebabkan keuntungan dan dividen terakru yang lebih tinggi kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Sebahagian besar pendapatan adalah daripada sektor minyak dan gas, kewangan dan pembuatan. *Akaun pampasan pekerja* termasuk gaji dan faedah lain yang diperoleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri dan rakyat asing yang bekerja di Malaysia dijangka mencatat defisit RM2.3 bilion (2009: -RM1.5 bilion).

Aliran keluar bersih **akaun pindahan semasa** dianggar berkurang kepada RM17.4 bilion (2009: -RM19.6 bilion). Pembayaran kasar yang sebahagian besar merupakan pengirisan balik wang oleh pekerja asing dijangka merosot 6.1%

kepada RM21.9 bilion (2009: 23.5%; RM23.3 bilion). Jumlah pengirisan balik wang dijangka kekal kecil, merangkumi 3.1% (2009: 4.0%) daripada pembayaran akaun semasa pada tahun 2010.


Akaun kewangan dijangka kembali pulih pada tahun 2010 berikutan keyakinan pelabur yang lebih baik, mendorong kepada peningkatan aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi. Aliran keluar bersih bagi pelaburan lain juga dijangka berkurang. Bagi keseluruhan tahun 2010, aliran masuk FDI diunjur meningkat, disokong oleh usaha berterusan Kerajaan dalam menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif serta pemulihan beransur bagi perbelanjaan modal global, khususnya dalam sektor berkaitan teknologi. Pada masa yang sama, *pelaburan langsung* ke luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia dijangka terus meningkat, terutamanya untuk pengembangan pasaran dan mengambil manfaat operasi berskala besar. Skop pelaburan Malaysia adalah menyeluruh, sebahagian besarnya merangkumi sektor minyak dan gas, perkhidmatan, pertanian serta pembuatan. Kebanyakan syarikat yang melabur di luar negeri telah memperoleh keuntungan dan mula meningkatkan kiriman pendapatan ke Malaysia.

Pelaburan portfolio yang merupakan salah satu komponen dalam akaun kewangan juga dijangka mencatat aliran masuk bersih, dirangsang oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan prospek keuntungan korporat yang lebih tinggi di Malaysia. Tambahan pula, penerbitan Sukuk Global sebanyak USD1.25 bilion pada Jun 2010 dan peningkatan pembelian bon dalam negeri oleh pelabur asing akan menyumbang kepada aliran masuk bersih yang lebih tinggi bagi keseluruhan tahun. Sementara itu, *pelaburan lain*, terutamanya penempatan deposit, pemberian kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia serta pembayaran semula bersih pinjaman luar oleh sektor awam dijangka mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah.

Kedudukan **rizab antarabangsa** kekal kukuh berjumlah RM310.8 bilion atau USD100.7 bilion pada akhir September 2010 (akhir Disember 2009: RM331.3 bilion atau USD96.7 bilion). Kedudukan ini memadai untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan 4.3 kali hutang luar jangka pendek.

CARTA 3.15

Rizab Antarabangsa



¹ Pada 30 September 2010.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Harga

Inflasi terus terkawal...

Inflasi keseluruhan, diukur melalui peratus perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat 1.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2010 (Januari – Ogos 2009: 1.3%). Peningkatan dalam IHP disebabkan sebahagian besar oleh kenaikan harga bagi kumpulan makanan dan minuman tanpa alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain; serta pengangkutan, menyumbang 1.1 mata peratusan kepada peningkatan dalam IHP. Sepanjang tempoh tersebut, rasionalisasi subsidi bagi roti, gula serta petrol, diesel dan LPG juga telah menyumbang kepada peningkatan IHP. Inflasi bagi tahun 2010 dijangka kekal terkawal di antara 2.0% – 2.5%.

Harga bagi **kumpulan makanan dan minuman tanpa alkohol** meningkat 2.2% (Januari – Ogos 2009: 5.9%), menyumbang 0.7 mata peratusan

kepada peningkatan dalam IHP. Peningkatan harga ini disebabkan terutamanya oleh barangan makanan termasuk sayur-sayuran yang meningkat 7.5%, daging (2.9%) serta ikan dan makanan laut (1.4%) (Januari – Ogos 2009: 1.7%; 6.2%; 7.6%). Ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan berikutan musim perayaan dan cuti persekolahan serta kekangan penawaran yang berpunca daripada keadaan cuaca yang tidak menentu dan kekurangan pekerja. Sementara itu, walaupun harga runcit gula telah dinaikkan sebanyak 20 sen pada bulan Januari dan ditambahkan lagi 25 sen pada bulan Julai, kesan ke atas harga produk berkaitan gula di dalam IHP adalah minimum, menyumbang hanya 0.2 mata peratusan kepada peningkatan di dalam subkumpulan makanan di rumah sepanjang tempoh tersebut.

Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain yang merupakan kumpulan kedua terbesar dalam bakul pengiraan IHP, meningkat 1.0% (Januari – Ogos 2009: 1.5%), menyumbang 0.2 mata peratusan

JADUAL 3.21




Indeks Harga Pengguna (IHP) Januari – Ogos (2005 = 100)

	Wajaran	Perubahan (%) 2010	Sumbangan kepada Pertumbuhan IHP (%) 2010
Kumpulan			
Makanan dan minuman bukan alkohol	31.4	2.2	47.7
Minuman alkohol dan tembakau	1.9	3.0	4.3
Pakaian dan kasut	3.1	-1.7	-2.8
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4	1.0	13.6
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.3	0.7	1.8
Kesihatan	1.4	1.6	1.3
Pengangkutan	15.9	1.3	12.7
Komunikasi	5.1	-0.3	-1.0
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	2.3	6.4
Pendidikan	1.9	1.7	2.0
Restoran dan hotel	3.0	1.7	3.5
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.0	2.8	10.5
Jumlah	100.0	1.5	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.16

IHP di Malaysia (% perubahan tahunan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

kepada peningkatan dalam IHP. Harga barangan yang meningkat ketara termasuk bayaran perkhidmatan untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah kediaman (3.4%), diikuti oleh sewa sebenar yang dibayar oleh penyewa (1.3%). Peningkatan harga LPG sebanyak 10 sen kepada RM1.85 sekilogram pada Julai 2010 juga menyumbang kepada kenaikan harga dalam kumpulan ini.

Harga bagi **kumpulan pengangkutan** naik 1.3% (Januari – Ogos 2009: -9.3%), menyumbang 0.2 mata peratusan kepada peningkatan dalam IHP, berikutan pelarasan harga pada Julai 2010 bagi petrol RON97 kepada RM2.10 per liter (2009: RM1.80 per liter), RON95 kepada RM1.85 per liter (2009: RM1.75 per liter) dan diesel kepada RM1.75 per liter (2009: RM1.70 per liter). Kenaikan harga ini mendorong kepada harga yang lebih tinggi dalam pengangkutan awam menggunakan laluan jalan raya (5.2%), pembaikan dan penyelenggaraan

CARTA 3.17

Trend IHP dan IHPR (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

untuk pengangkutan persendirian (2.3%) serta bahan api dan pelincir untuk peralatan pengangkutan persendirian (1.7%).

Sementara itu, harga bagi **kumpulan pakaian dan kasut** serta **kumpulan komunikasi** terus menurun 1.7% dan 0.3% (Januari – Ogos 2009: -0.8%; -0.5%), berikutan pemasaran agresif dan persaingan sengit di kalangan peruncit. Penurunan harga dalam kumpulan pakaian dan kasut, disebabkan terutamanya oleh subkumpulan pakaian (-1.4%), manakala penurunan harga bagi kumpulan komunikasi adalah disebabkan oleh peralatan telefon dan telefaks (-7.5%).

IHP bagi kawasan bandar meningkat 1.6% manakala kawasan luar bandar bertambah 1.4% (Januari – Ogos 2009: 1.1%; 1.5%), disebabkan

terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi kumpulan makanan dan minuman tanpa alkohol. Dari segi kategori pendapatan, IHP bagi isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 meningkat 1.7% dan 1.8% (Januari – Ogos 2009: 2.2%; 2.9%), juga disebabkan oleh harga yang lebih tinggi bagi kumpulan makanan dan minuman tanpa alkohol.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) iaitu pengukur bagi perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar dalam negeri dan harga yang dibayar oleh pengimport, meningkat 6.0% dalam tempoh lapan bulan pertama 2010 (Januari – Ogos 2009: -9.6%). Peningkatan IHPR adalah disebabkan oleh harga komoditi yang lebih kukuh sejajar dengan pemulihan ekonomi global.

JADUAL 3.22

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)
Januari – Ogos
(2005 = 100)¹

	Wajaran	Perubahan (%) 2010	Sumbangan kepada Pertumbuhan IHPR (%) 2010
Ekonomi domestik	100.0	6.0	100.0
Makanan	5.4	2.3	2.4
Minuman dan tembakau	0.9	-0.4	-0.1
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	5.4	18.9	19.6
Bahan api galian, pelincir, dll.	17.4	16.9	49.5
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	4.2	11.9	10.2
Bahan kimia	7.0	3.3	3.6
Barang-barang keluaran kilang	10.9	1.3	2.3
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42.9	1.6	11.0
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	0.9	0.7
Pelbagai urus niaga dan barangan	0.5	17.1	1.2
Pengeluaran tempatan	66.4	8.2	91.4
Import	33.6	1.6	8.6

¹ Berkuatkuasa Januari 2010, tahun asas bagi PPI telah disemak semula daripada tahun 2000 kepada tahun 2005.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

IHPR untuk pengeluaran tempatan meningkat 8.2% (Januari – Ogos 2009: -13.8%), menyumbang 91.4% kepada keseluruhan IHPR. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan harga bahan api galian dan pelincir sebanyak 20.4%, merangkumi 53.7% daripada peningkatan keseluruhan IHPR bagi pengeluaran tempatan. Ini diikuti oleh peningkatan harga bahan mentah tidak boleh dimakan (21.3%) serta minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran (12.7%) yang masing-masing menyumbang 21.1% dan 11.3% kepada keseluruhan kenaikan.

Sementara itu, **IHPR untuk import** meningkat 1.6% (Januari – Ogos 2009: 0.2%), menyumbang 8.6% kepada keseluruhan IHPR. Penyumbang utama kepada peningkatan IHPR bagi import adalah jentera dan kelengkapan pengangkutan (68.8%) serta pelbagai urus niaga dan barangan (14.2%).

Pasaran Buruh

Pasaran buruh stabil...

Keadaan pasaran buruh dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2010 sejajar dengan persekitaran ekonomi yang lebih baik secara keseluruhan. Semua sektor ekonomi dijangka menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan pemberhentian pekerjaan berkurangan. **Jumlah guna tenaga** dijangka meningkat ketara sebanyak 1.3% kepada 11.8 juta pekerja (2009: 0.4%; 11.6 juta), dengan jangkaan peluang pekerjaan baru sebanyak 152,800. **Tenaga buruh** juga diunjur meningkat kukuh sebanyak 1.3% mencapai 12.2 juta orang (2009: 0.8%; 12.1 juta). Justeru, **kadar pengangguran** dijangka kekal rendah pada 3.6% daripada jumlah tenaga buruh pada tahun 2010 (2009: 3.7%).

Pada tahun 2010, **kadar penyertaan tenaga buruh** secara keseluruhan dijangka kekal tinggi pada 63.5% (2009: 63.1%). Dari segi gender, kadar penyertaan lelaki dan wanita dianggar

meningkat sederhana kepada 79.8% dan 46.5% (2009: 79.5%; 46.0%). Penyertaan tenaga kerja yang lebih muda, terutamanya bagi kumpulan umur 25 – 34 merupakan kumpulan terbesar, merangkumi 31.4% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja, diikuti dengan kumpulan umur 35 – 44 pada 25.8%. Nisbah tanggungan berumur (65 tahun ke atas) dijangka meningkat kepada 6.9% (2009: 6.8%). Bilangan tenaga kerja dengan pendidikan tertiar diunjur meningkat kukuh sebanyak 24.2% (2009: 23.4%), mencerminkan peningkatan pengambilan pelajar bagi peringkat tersebut beberapa tahun yang lepas. Dengan ekonomi domestik yang terus berkembang, peluang pekerjaan dijangka meningkat dalam semua sektor ekonomi. Sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai majikan terbesar, merangkumi 53.6% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2010 (2009: 53.5%), diikuti oleh pembuatan (27.8%), pertanian (11.8%), pembinaan (6.5%) dan perlombongan (0.4%).

Keadaan pasaran buruh yang menggalakkan ini juga dicerminkan melalui bilangan kekosongan pekerjaan yang meningkat dan pemberhentian pekerjaan yang lebih rendah. Dalam tempoh enam bulan pertama 2010, **kekosongan pekerjaan** yang dilaporkan melalui *jobsmalaysia* meningkat sebanyak 992,035 (Januari – Jun 2009: 539,872).

JADUAL 3.23

Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)		Perubahan (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Tenaga buruh	12,061.1	12,216.8	0.8	1.3
Guna tenaga	11,620.5	11,773.3	0.4	1.3
Pengangguran	440.6	443.5	3.7 ²	3.6 ²

¹ Anggaran.

² Peratus kepada tenaga buruh.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

Sebahagian besar kekosongan pekerjaan adalah di sektor pembuatan dan perkhidmatan, merangkumi 40.0% dan 30.4%. Permintaan untuk pekerjaan profesional, yang meliputi pegawai undang-undang, pengurus dan pegawai kanan, profesional, juruteknik dan profesional bersekutu meningkat ketara sebanyak 55.8% kepada 136,275 kekosongan (Januari – Jun 2009: 10.5%; 87,494). Jumlah kekosongan profesional juga kekal tinggi pada 13.7% (Januari – Jun 2009: 16.2%). Kekosongan untuk graduan adalah sebanyak 73,183 dengan kebanyakan tawaran pekerjaan adalah dalam sektor perkhidmatan yang menyumbang

84.5% terutamanya bagi kewangan, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta pendidikan.

Bilangan **pencari kerja aktif** meningkat 16.9% kepada 368,877 dalam tempoh enam bulan pertama 2010 (Januari – Jun 2009: 65.8%; 315,442). Daripada jumlah pencari kerja, 55.4% berada dalam kumpulan umur 20 – 24, diikuti oleh kumpulan umur 25 – 29 (21.5%), kumpulan umur melebihi 30 (13.0%) dan bakinya dalam kumpulan umur 15 – 19 tahun. Dari segi kelayakan, 49.8% merupakan pemegang ijazah dan diploma, sementara 33.6% memiliki Sijil

JADUAL 3.24

Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹	2009	2010 ¹
Pertanian	1,390.8	1,389.7	0.0	-0.1	12.0	11.8
Perlombongan	42.5	43.3	-0.7	1.9	0.4	0.4
Pembuatan	3,209.9	3,267.6	-3.8	1.8	27.6	27.8
Pembinaan	762.4	765.4	0.5	0.4	6.6	6.5
Perkhidmatan	6,214.9	6,307.3	2.8	1.5	53.5	53.6
Utiliti (elektrik, bekalan air dan gas)	97.7	99.0	0.1	1.3	0.8	0.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	675.5	682.7	0.3	1.1	5.8	5.8
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	2,137.2	2,178.5	0.6	1.9	18.4	18.5
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	817.0	832.0	0.6	1.8	7.0	7.1
Perkhidmatan Kerajaan	1,247.9	1,249.5	11.2	0.1	10.7	10.6
Perkhidmatan lain	1,239.6	1,265.6	2.0	2.1	10.7	10.7
Jumlah	11,620.5	11,773.3	0.4	1.3	100.0	100.0
Sektor pertama	1,433.3	1,433.0	0.0	0.0	12.3	12.2
Sektor kedua	3,972.3	4,033.0	-3.0	1.5	34.2	34.3
Sektor ketiga	6,214.9	6,307.3	2.8	1.5	53.5	53.6

¹ Anggaran.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

Pelajaran Malaysia (SPM). Kerajaan akan terus membantu pencari kerja baru melalui Program Penempatan Pekerjaan dan pameran kerjaya di seluruh negara.

Bilangan **pekerja yang diberhentikan** terus berkurangan kepada 3,573 dalam tempoh separuh pertama 2010 (Januari – Jun 2009: 20,060), berikutan prestasi ekonomi yang lebih baik. Pekerja am di sektor pembuatan merangkumi hampir separuh daripada jumlah pemberhentian pekerjaan. Di bawah sektor pembuatan, subsektor alatan perubatan, *precision* dan optikal, jam tangan dan jam mencatatkan pemberhentian pekerjaan tertinggi sebanyak 302 pekerja.

Kerajaan merancang untuk menerima pakai dasar gaji minima berasaskan kedudukan semasa pasaran buruh selaras dengan objektif menjadikan

Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Selain itu, Kerajaan akan terus menggalakkan penggunaan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) di kalangan syarikat di Malaysia, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pelaksanaan PLWS akan meningkatkan produktiviti melalui pengurangan kos untuk meningkatkan daya saing negara.


Pada akhir Februari 2010, jumlah **pekerja asing** yang didaftarkan berkurang kepada 1.8 juta (akhir Disember 2009: 1.9 juta) disebabkan usaha Kerajaan untuk terus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing kurang mahir. Sektor pembuatan menggaji 38.2% daripada jumlah pekerja asing, diikuti oleh sektor pembinaan (16.0%) dan perladangan (14.2%). Indonesia menyumbang 50.9% kepada jumlah tenaga kerja asing berikutan kedudukan geografi yang berdekatan serta budaya dan bahasa yang hampir sama. Ini diikuti oleh pekerja dari Bangladesh (17.0%), Nepal (9.7%), Myanmar (7.8%), India (6.3%) dan Vietnam (4.2%).

Pada akhir Julai 2010, sejumlah 31,371 **ekspatriat** bekerja di Malaysia (akhir Disember 2009: 32,138), terutamanya di sektor perkhidmatan (64.8%) dan pembuatan (22.2%). Majoriti ekspatriat adalah dari India (17.8%; 5,586), China (10.2%; 3,198) dan Jepun (7.0%; 2,195).

Kerajaan akan terus menarik ekspatriat berkemahiran tinggi untuk bekerja di Malaysia sepanjang tempoh RMKe-10. Ini sejajar dengan usaha mempromosi ekonomi berpendapatan tinggi berasaskan pengetahuan dan inovasi, khususnya dalam perkhidmatan teknikal dan profesional. Di samping itu, Kerajaan akan memudahkan proses dan prosedur, termasuk mengurangkan bilangan peringkat permohonan dan masa untuk membuat keputusan serta akan menubuhkan *Talent Corporation* untuk menarik minat, meningkatkan motivasi dan mengekalkan modal insan yang berkemahiran tinggi.

CARTA 3.18

Penunjuk Pasaran Kerja



¹ Januari – Jun.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti

Pengenalan

Pada amnya pekerja di negara maju menikmati upah yang lebih tinggi memandangkan adanya sistem penggajian yang memberi ganjaran terhadap produktiviti. Di Malaysia, secara umumnya paras upah tidak banyak berubah dan lebih rendah berbanding dengan beberapa negara serantau serta tidak menggambarkan prestasi sebenar pekerja dan syarikat. Bagi membolehkan pekerja menikmati kadar upah yang lebih tinggi, satu sistem gaji yang memberi ganjaran berdasarkan produktiviti dan mengambil kira keperluan asas pekerja di samping lebih fleksibel terhadap perubahan situasi ekonomi adalah diperlukan. Oleh yang demikian, Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) adalah sesuai bagi penetapan upah dan produktiviti yang lebih tinggi, sejajar dengan objektif menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti

PLWS yang menghubungkan upah dan produktiviti akan memastikan peningkatan upah pekerja adalah selaras dengan tahap produktiviti. Ia akan menggalakkan usaha berterusan dalam meningkatkan produktiviti, kemahiran dan kualiti supaya tahap daya saing dapat dikekalkan. Di samping itu, ia juga dapat memastikan pekerja mendapat upah yang adil daripada sumbangan mereka melalui skim perkongsian keuntungan.

Sistem ini mengandungi komponen tetap dan berubah. Komponen tetap terdiri daripada gaji asas dan kenaikan gaji tahunan yang mengambil kira kos sara hidup serta memastikan pendapatan pekerja terus terjamin. Komponen berubah pula meliputi antara lain, bonus dan insentif yang tertakluk kepada tahap produktiviti dan keuntungan.

Faedah PLWS

Pelaksanaan PLWS akan memberikan faedah kepada *stakeholder* berikut:

Pekerja

- Memperoleh pengagihan yang lebih adil berikutan peningkatan prestasi dan keuntungan syarikat;
- Bermotivasi untuk mempertingkatkan produktiviti yang membawa kepada kadar upah yang lebih tinggi;
- Berpeluang mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan; dan
- Menikmati kestabilan pekerjaan yang terus terjamin.

Majikan

- Meningkatkan daya saing;
- Meningkatkan keupayaan dan fleksibiliti dalam menghadapi kejutan ekonomi;
- Mengurangkan pemberhentian pekerja pada masa sukar;
- Menggalakkan penambahbaikan berterusan dalam proses kerja; dan
- Hubungan yang lebih telus antara pekerja-majikan.

Negara

- Memperbanyakkan lagi produk berinovasi dan perkhidmatan berkualiti;
- Meningkatkan kelebihan berbanding;
- Memperluaskan penembusan dan penerimaan pasaran; dan
- Memacu ke arah negara berpendapatan tinggi.

Faktor Utama Kejayaan PLWS

Kejayaan pelaksanaan PLWS di semua peringkat amat bergantung kepada komitmen pihak pengurusan tertinggi. Satu sistem penilaian yang adil dan saksama perlu dibangunkan melalui kerjasama erat antara majikan dan pekerja. Oleh itu, majikan perlu berkongsi maklumat dengan pekerja bagi memupuk kepercayaan di kedua belah pihak. Dalam merangka struktur upah, majikan mesti mengambil kira kebajikan dan kesejahteraan pekerja supaya keperluan asas mereka dipenuhi. Satu mekanisme maklum balas adalah perlu bagi mendapatkan cadangan dan penambahbaikan berterusan. Selain itu, majikan harus komited untuk melabur dalam membangunkan tenaga kerja berkualiti.

Ciri-ciri PLWS di Negara Berpendapatan Tinggi Terpilih

Dalam usaha membangunkan PLWS di Malaysia, Kerajaan melalui Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah meneliti pelbagai struktur upah negara berpendapatan tinggi (HIE) untuk dijadikan penanda aras.

JADUAL 1

Struktur Upah HIE Terpilih yang Melaksanakan PLWS

No.	Negara	Struktur Upah	Komponen	
			Tetap	Berubah
1.	Republik Korea	• Bayaran tetap • Bayaran berubah	• Kenaikan tahunan • Upah asas (upah minimum)	• Insentif prestasi syarikat - o Insentif jualan - o Insentif produktiviti - o Perkongsian keuntungan - o Prestasi pekerja • Prestasi kumpulan
2.	Taiwan	• Bayaran tetap • Bayaran berubah	• Upah minimum • Bonus tetap • Elaun tetap	• Prestasi organisasi - o Bonus berubah - o Perkongsian keuntungan • Prestasi pekerja/ kompetensi individu - o Komisen - o Insentif jualan - o Bonus prestasi - o Insentif pengurusan

No.	Negara	Struktur Upah	Komponen	
			Tetap	Berubah
3.	Singapura	- Gaji asas tetap - Komponen bulanan berubah (MVC) - Komponen tahunan berubah (AVC)	- Upah asas dan kenaikan boleh dirunding tertakluk kepada Akta Pekerjaan dan peraturan berkaitan - MVC dicadangkan 10% daripada upah. Syarikat boleh menyesuaikan upah semasa kejutan ekonomi - AVC merangkumi tambahan upah tahunan dan lain-lain bonus tahunan	- Insentif prestasi - Opsyen saham - Keberuntungan syarikat - Prestasi dan produktiviti individu
4.	United Kingdom	- Bayaran tetap (60%) - Bayaran berubah (40%)	- Upah asas minimum - Kenaikan tahunan tetap	- Prestasi individu - Prestasi berasaskan kumpulan - Kemahiran atau kompetensi individu - Berteraskan keuntungan - Pemilikan saham oleh pekerja


Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Inisiatif Kerajaan Terhadap PLWS

Melalui MPC, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu firma mengadaptasi PLWS. Usaha bagi mewujudkan kesedaran mengenai manfaat PLWS termasuk aktiviti promosi seperti taklimat, khidmat nasihat, seminar dan bengkel serta penerbitan telah diambil. Pakej Aplikasi PLWS (i-PLWS) yang telah dibangunkan mengandungi maklumat asas sistem upah bagi membantu firma mereka bentuk sistem PLWS. Sehingga akhir Jun 2010, bilangan organisasi yang telah melaksanakan PLWS mengikut pecahan sektor adalah perkhidmatan (54,665), pembuatan (9,019), pembinaan (5,022), pertanian (3,536) dan lain-lain (599).

CARTA 1

Carta Aliran Pelaksanaan PLWS Perbadanan Produktiviti Malaysia



Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Hala Tuju

PLWS menggalakkan budaya kreativiti dan inovasi, elemen penting bagi mentransformasikan Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Sehubungan itu, melalui MPC, Kerajaan akan terus menggalakkan syarikat menerima pakai PLWS. Pelbagai inisiatif untuk mempergiatkan pelaksanaannya akan diambil seperti membangunkan syarikat contoh dan membantu mereka menguruskan PLWS, menganjurkan sesi perkongsian maklumat dengan industri serta menyediakan PLWS berasaskan Internet. Sebagai tambahan, kerjasama tiga hala antara pihak Kerajaan, majikan dan pekerja akan diperkukuhkan lagi untuk menyegerakan pelaksanaan PLWS.

Prospek 2011

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan kekal kukuh...

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 5.0% hingga 6.0% pada tahun 2011 (2010: 7.0%), dipacu terutamanya oleh permintaan domestik dan disokong oleh sektor luaran yang menggalakkan. Asas ekonomi yang kukuh akan terus mendorong momentum pertumbuhan permintaan domestik. Aktiviti pelaburan swasta yang kembali positif pada tahun 2010 dijangka terus menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan ekonomi. Perkembangan ini sejajar dengan jangkaan bermulanya 52 Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) sepanjang tempoh RMKe-10 serta pelaksanaan projek swasta di bawah NKEA. Penggunaan swasta dijangka kukuh berikutan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah dan kadar pengangguran yang rendah. Prospek pertumbuhan juga didorong oleh harga komoditi utama yang kukuh, seterusnya menggalakkan perbelanjaan isi rumah luar bandar pada tahun 2011. Memandangkan sektor swasta dijangka menerajui pertumbuhan, perbelanjaan awam akan berkembang pada kadar yang lebih perlahan, mencerminkan komitmen Kerajaan ke arah pengurusan fiskal berhemat.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan dijangka menyeluruh dengan sumbangan positif daripada semua sektor ekonomi dengan sektor perkhidmatan terus kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK. Sektor pembuatan dijangka berkembang seiring dengan aktiviti pelaburan dan penggunaan yang rancak. Sektor pertanian dijangka meningkat, disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dan harga komoditi yang kukuh. Di samping itu, sektor perlombongan dianggar berkembang berikutan pengeluaran gas asli yang lebih tinggi. Sektor pembinaan juga dijangka berkembang dengan lebih kukuh, berikutan peningkatan aktiviti harta tanah bukan kediaman dan pemulihan pembinaan rumah kediaman serta pelaksanaan segera projek kejuruteraan awam yang utama.

Justeru, PNK nominal per kapita dijangka meningkat 6.1% kepada RM27,950 (2010: 10.5%; RM26,355). Dari segi PPP, pendapatan per kapita dijangka meningkat 13.7% mencapai USD16,028 (2010: 19.7%; USD14,102).

Prospek Mengikut Sektor

Pertumbuhan yang menyeluruh...

Pada tahun 2011, nilai ditambah **sektor perkhidmatan** diunjur berkembang 5.3% (2010: 6.5%), disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan dan ekonomi domestik yang kekal kukuh. Kesemua subsektor dijangka mencatat pertumbuhan, diterajui oleh subsektor kewangan dan insurans, komunikasi serta perdagangan borong dan runcit. Sektor perkhidmatan dijangka kekal menyumbang 57.3% kepada KDNK. Sektor ini dijangka terus berkembang dengan pelaksanaan program dan inisiatif di bawah tujuh NKEA berkaitan perkhidmatan iaitu perkhidmatan kewangan, pemborongan dan peruncitan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pelancongan, kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan perniagaan.

Nilai ditambah **sektor pembuatan** dijangka terus berkembang 6.7% (2010:10.8%), sejajar dengan kedudukan ekonomi yang lebih baik. Industri berorientasi eksport dijangka terus berkembang, disokong oleh perdagangan intra-serantau yang kukuh. Subsektor E&E serta M&E dijangka menerajui pertumbuhan sektor pembuatan. Industri berorientasi domestik dijangka berkembang sejajar dengan perbelanjaan pengguna yang tinggi dan keyakinan perniagaan yang mantap. Prospek bagi subsektor bahan berkaitan pembinaan adalah menggalakkan dengan segmen kejuruteraan awam dijangka memperoleh manfaat daripada pelbagai projek infrastruktur yang dirancang di bawah RMKe-10.

Sektor pertanian dijangka terus meningkat 4.5% pada tahun 2011 (2010: 3.4%), disumbang oleh subsektor komoditi dan bukan komoditi.

Pengeluaran CPO dianggar meningkat 3.4% kepada 18.4 juta tan metrik (2010: 1.3%; 17.8 juta tan metrik), berikutan hasil FFB yang tinggi ekoran peningkatan kawasan matang, khususnya di Sabah dan Sarawak. Jangkaan OER yang lebih tinggi pada 20.7% (2010: 20.4%) juga akan menyumbang kepada pengeluaran CPO yang kukuh. Pada masa yang sama, pengeluaran getah juga dijangka meningkat 8.5% kepada 1,020,000 tan metrik (2010: 9.7%; 940,000 tan metrik), berikutan harga getah yang kukuh, seterusnya menggalakkan aktiviti penorehan di kalangan pekebun kecil. Subsektor bukan komoditi terutamanya ternakan, pertanian lain dan perikanan dijangka terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan, berikutan pelaksanaan berterusan Projek Berimpak Tinggi (HIP) seperti ZIA, TKPM dan Ladang Fidlot serta Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu. Tumpuan khusus ke atas aktiviti pertanian berhasil tinggi dalam tempoh RMKe-10, seperti ternakan burung walit, akuakultur, ikan hiasan, herba dan rempah serta aktiviti hiliran untuk minyak sawit dan getah dijangka merancakkan lagi pertumbuhan subsektor ini.

Sektor perlombongan dijangka meningkat 2.9% pada tahun 2011 (2010: 1.0%) berikutan pengeluaran gas asli yang lebih tinggi. Pengeluaran gas asli dijangka terus meningkat 6.1% kepada 2,364,840 mmscf (2010: 5.2%; 2,229,074 mmscf), berikutan prestasi industri keluaran petrokimia domestik yang memberangsangkan serta permintaan global yang lebih tinggi, khususnya dari China dan India. Selain itu, dua projek baru, iaitu Kelompok Medan Tangga Barat di persisiran pantai Terengganu dan Kelompok Medan Kumang di persisiran pantai Sarawak, dijangka meningkatkan lagi pengeluaran gas. Sebaliknya, pengeluaran minyak mentah dijangka merosot 1.3% kepada 633,100 tsh (2010: -2.6%; 641,400 tsh), disebabkan aktiviti penyelenggaraan loji yang dirancang dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Reservoir oleh PETRONAS untuk mengekalkan pengeluaran minyak mentah bagi tempoh jangka panjang.

Sektor pembinaan dijangka berkembang 4.4% pada tahun 2011 (2010: 4.9%), disokong oleh pelaksanaan lebih pesat projek sedia ada seperti KLIA 2, Jambatan Kedua Pulau Pinang, SKVE (Pakej 3), Saluran Paip Sabah – Sarawak dan pemanjangan LRT. Selain itu, pembangunan projek di lima koridor pembangunan serta pelaksanaan projek baru di bawah RMKe-10, termasuk projek PFI seperti Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru, Lebuh raya Pantai Barat Banting – Taiping, Lebuh raya Guthrie – Damansara, Lebuh raya Bertingkat Ampang – Pandan – Cheras, ITT Gombak dan Loji Janakuasa Kitar Padu Gas 300MW di Sabah. Subsektor kediaman pula dijangka pulih yang mana pemaju lebih bersedia melancarkan projek baru seiring dengan sentimen pembeli dan keadaan ekonomi yang bertambah baik.

Permintaan Domestik

Pelaburan swasta memacu pertumbuhan...

Permintaan domestik dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 5.8% (2010: 6.9%) disokong oleh sektor swasta yang dinamik dengan peningkatan perbelanjaan sebanyak 7.0% (2010: 8.1%). Berikutan pelbagai langkah diambil untuk mempertingkatkan daya saing dan produktiviti, pertumbuhan diterajui oleh pelaburan swasta yang akan berkembang 10.2% (2010: 15.2%). Tambahan pula, perkongsian awam-swasta pintar dan berkesan serta penubuhan Dana Mudahcara berjumlah RM20 bilion di bawah RMKe-10 dijangka terus memberi dorongan kepada pertumbuhan pelaburan swasta. Penggunaan swasta pula dijangka berkembang 6.3% (2010: 6.7%), hasil daripada peningkatan pendapatan dan prospek pekerjaan yang lebih baik berikutan pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh.

Perbelanjaan sektor awam pula dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.8% (2010: 3.8%). Pelaburan awam dijangka meningkat perlahan sebanyak 0.6%

(2010: 8.3%) memandangkan sektor swasta akan menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Sementara itu, penggunaan awam dijangka berkembang 4.6% (2010: 0.2%).

Kedudukan Sumber Negara

Kedudukan sumber negara yang kukuh...

Sejajar dengan prestasi ekonomi domestik yang dijangka terus kukuh pada tahun 2011, pendapatan negara pada harga semasa diunjur berkembang 8.2% (2010: 12.8%). **Jurang tabungan pelaburan** dijangka mencatat lebih ketara, sebanyak RM114.2 bilion, iaitu 14.1% daripada PNK pada tahun 2011 (2010: RM103.8 bilion; 13.8%). Keadaan yang menggalakkan ini berikutan jangkaan TNK yang lebih tinggi sebanyak 35.7% daripada PNK, meningkat 8.5% kepada RM289.2 bilion (2010: 35.6%; 26.6%; RM266.6 bilion) dengan sektor swasta terus menjadi penyumbang utama kepada TNK. Jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) dijangka berkembang sebanyak RM175.0 bilion menyumbang 21.6% daripada PNK (2010: RM162.8 bilion; 21.7%). Unjuran lebihan dalam kedudukan sumber negara membolehkan kecairan disediakan secukupnya dalam sistem kewangan bagi membiayai aktiviti ekonomi domestik.

Sektor Luar Negeri

Lebihan dalam akaun semasa...

Kedudukan sektor luar negeri dijangka kukuh berikutan prestasi ekonomi dan pertumbuhan perdagangan dunia yang cergas pada tahun 2011. Kedudukan BOP akan terus mencatat lebihan yang kukuh, disokong oleh lebihan akaun semasa yang lebih tinggi dan aliran keluar bersih akaun kewangan yang bertambah baik. Terimaan bagi **akaun barangan** diunjur berkembang 9.5% kepada RM707.4 bilion (2010: 16.6%; RM646.1 bilion), manakala pembayaran kasar dijangka meningkat 9.5% kepada RM547.8 bilion (2010: 21.3%; RM500.2 bilion).

Prestasi **akaun perkhidmatan** dijangka kekal stabil pada RM0.5 bilion (2010: RM0.5 bilion), berikutan pendapatan perjalanan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM34.4 bilion (2010: RM32.8 bilion), dapat mengimbangi defisit dalam akaun perkhidmatan lain. Sebaliknya, aliran keluar bersih **akaun pendapatan** diunjur berjumlah RM27.2 bilion (2010: -RM25.1 bilion), yang mana syarikat MNC asing berterusan menghantar balik pendapatan terakru yang merangkumi faedah, keuntungan dan dividen. Selain itu, aliran keluar bersih **akaun pindahan semasa** dianggarkan berjumlah RM18.8 bilion (2010: -RM17.4 bilion). Walau bagaimanapun, lebihan di dalam akaun barangan dan perkhidmatan dijangka lebih dari mencukupi untuk mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan dan pindahan semasa. Justeru, **akaun semasa** dijangka terus mencatat lebihan yang lebih kukuh bagi 14 tahun berturut-turut, sebanyak RM114.2 bilion atau 14.1% daripada PNK (2010: RM103.8 bilion; 13.8%).

